



سوشل بلوقرین ت

SOCIAL BLUEPRINT  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KE ARAH  
KUALITI KEHIDUPAN  
RAKYAT YANG TINGGI

TOWARDS  
*HIGH QUALITY OF LIFE*







جایتن ڤرلان منتری  
PRIME MINISTER'S OFFICE  
BRUNEI DARUSSALAM



**MKIS**  
مجالس کے برائے ایسو سوسیال  
MAJLIS KEBANGSAAN ISU SOSIAL

Jabatan Perdana Menteri  
dan  
Urus Setia Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS),  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam

Diterbitkan bersama oleh:

Jabatan Perdana Menteri dan

Urus Setia Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam

Rekabentuk bersama oleh:

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan

Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Negara Brunei Darussalam.

Cetakan Pertama: Julai 2025

Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei  
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan

SOCIAL Blueprint Negara Brunei Darussalam. -- Bandar Seri Begawan :

Jabatan Perdana Menteri ; Urus Setia Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS),  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 2024.

100 pages ; 0.7 cm

ISBN 978-99917-36-39-6 (Hardcover)

ISBN 978-99917-36-40-2 (Paperback)

ISBN 978-99917-36-41-9 (e-book edition)

1. Economic development -- Social aspects -- Brunei Darussalam
2. Economic development -- Environmental aspects -- Brunei Darussalam
3. Sustainable development -- Economic aspects -- Brunei Darussalam
4. Strategic planning -- Brunei Darussalam I. Brunei Darussalam. Jabatan Perdana Menteri II. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Urus Setia Majlis Kebangsaan Isu Social (MKIS)

330.95955 SOC (DDC 23)

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini. Ia tidak boleh disimpan dalam sistem pengeluaran (*retrieval system*) atau dipindahkan dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

لَقَدْ كَانَ لِسَابَا فِي مَسْكَنِهِمْ أَيْةً جَنَّاتٍ عَنْ  
يَمِينِ وَشِمَالٍ كُلُوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ وَاشْكُرُوهُ لَهُ  
بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّهُ غَفُورٌ



Demi sesungguhnya bagi penduduk Saba' (di Yaman) ada satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) terdapat di tempat tinggal mereka iaitu dua kebun (yang luas lagi subur, sebuah) di sebelah kanan dan (sebuah lagi) di sebelah kiri. (Lalu dikatakan kepada mereka:) "Makanlah daripada rezeki (yang dikurniakan) Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya. (Negeri kamu ini ialah) negeri yang baik (aman dan makmur dengan buah-buahan yang banyak) dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun."

Surah Saba', ayat 15

There was for [the tribe of] Saba' in their dwelling place a sign: two [fields of] gardens on the right and on the left. [They were told], Eat from the provisions of your Lord and be grateful to Him. A good land [have you], and a forgiving Lord.

Surah Saba', verse 15





**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni  
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**



# *Titah*

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izinNya jua, rakyat dan penduduk negara ini terus sahaja menikmati kehidupan yang baik dan dalam suasana yang penuh keamanan dan kemakmuran. Sesungguhnya, kesemua ini adalah merupakan satu nikmat dan anugerah yang amat besar dari Allah Subhanahu Wata'ala ke atas bumi darussalam yang kita cintai ini.

Dalam kita mensyukurinya, kita hendaklah juga sentiasa peka akan perubahan-perubahan yang berlaku di sekeliling, lebih-lebih lagi dalam keadaan dunia masa kini yang sukar diramal dengan cabaran-cabaran yang dibawanya menjadi semakin rumit. Ketidaktentuan ini setentunya mendatangkan pelbagai implikasi terhadap tadbir urus dan susunatur perancangan-perancangan yang dikaitkan dengan keutamaan negara khususnya yang dipelopori menerusi matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035. Ini termasuklah dalam perkara berkaitan ketersediaan dan kapasiti sumber sedia ada, yang memerlukan perincian sehalusnya pada memastikan penggunaannya yang lebih tepat dan berhemah sebagai memenuhi tuntutan perubahan tersebut.

Demikianlah juga sandarannya kepada pembentukan *Social Blueprint* Negara Brunei Darussalam ini, yang menitikberatkan tentang keperluan untuk memelihara dan mengukuhkan lagi kesejahteraan dan kemaslahatan rakyat dan penduduk negara ini, ke arah merealisasikan matlamat "Kualiti Kehidupan Rakyat Yang Tinggi". Malah, kemajuan sosial yang diketengahkan terus memberi penekanan tentang nilai-nilai keislaman yang diterapkan dalam Maqasid Syariah dan diadun dengan penghayatan terhadap falsafah Melayu Islam Beraja, disamping mengukuhkan aspek keberdayatahanan dan kemampuan dalam menyesuaikan dengan perubahan semasa yang merentasi bidang-bidang berkepentingan negara.

Jelasnya, pembangunan sosial dalam konteks negara ini, akan tetap mengutamakan prinsip keadilan dan kesaksamaan akses kepada perkhidmatan-perkhidmatan utama untuk penduduk, sebagai tanggungjawab kolektif semua pihak sama ada sektor kerajaan, swasta mahupun masyarakat sendiri, dengan terus menggalakkan perubahan serta kemajuan sosial tanpa mengira perbezaan latar belakang. Sayugia, *Social Blueprint* Negara Brunei Darussalam ini memberikan penekanan kepada nilai-nilai yang lebih inklusif, dan kerangkanya menggariskan aspirasi-aspirasi utama untuk pelbagai aspek kehidupan sosial dengan menumpukan kepada pembangunan insan, iaitu individu, keluarga dan komuniti serta peranan penting institusi-institusi yang ada di negara ini dalam mendukung pembangunan insan tersebut.

Beta penuh yakin dengan adanya penglibatan aktif dan sokongan padu semua pihak, keberhasilan yang digarap menerusi aspirasi-aspirasi dalam *Social Blueprint* ini, insya-Allah akan dapat dicapai sepenuhnya. Namun, perlu diingat bahawa inti pati dokumen ini sifatnya adalah tidak statik, dan akan tetap dipengaruhi oleh keadaan serta tren-tren semasa. Justeru, pihak-pihak yang terlibat hendaklah juga memastikan keupayaan dalam mendepani situasi sedemikian termasuk pengupayaan dalam pelaksanaannya secara berkesinambungan, dengan melihat kepada perkara-perkara berkaitan latihan, peningkatan kemahiran, pembangunan dasar dan pelaksanaan program yang berkesan.

Beta juga berharap, perisian *Social Blueprint* Negara Brunei Darussalam ini, akan membawa negara lebih dekat kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035 khasnya Matlamat 2, dan agar setiap lapisan masyarakat akan dapat meraih manfaat pembangunan negara secara berterusan dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Pada mengakhirinya, Beta ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat atas sumbangan buah fikiran, tenaga, usaha dan masa dalam penghasilan *Social Blueprint* ini. Semoga ianya menjadi amal bakti kita yang ikhlas dan menerima ganjaran dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni  
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

# *Titah*

*Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

*Bismillaahir Rahmaanir Raheem*

*Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.*

*Alhamdulillah, with the blessing and grace of Allah Subhanahu Wata'ala, the citizens and residents of Brunei Darussalam continue to enjoy good life filled with peace and prosperity. Indeed, all of this is a tremendous blessing and grace from Allah Subhanahu Wata'ala upon our beloved abode of peace.*

*In being grateful for all these blessings, we should also always be aware of the changes happening around us, especially in today's unpredictable global situation and the challenges it brings that have become increasingly complex. This uncertainty brings about various implications for governance and the structuring of plans associated with the country's priorities, particularly those spearheaded through the goals of Wawasan Brunei 2035. This includes matters related to the readiness and capacity of existing resources which require meticulous attention, to ensure their prudent use in meeting the demands of these changes.*

*Similarly, this lays the foundation for the creation of the Brunei Darussalam Social Blueprint, which emphasizes the need to preserve and further strengthen the well-being and welfare of citizens and residents of this country, towards realizing the goal of "High Quality of Life". Moreover, the highlighted social progress continually emphasises the values of Islam outlined in Maqasid Syariah, with an appreciation to the philosophy of Melayu Islam Beraja (Malay Islamic Monarchy), while also reinforcing aspects of resilience and adaptability in adjusting to current changes that span the country's areas of interest.*

*Social development in this country will continue to prioritise the principles of justice and equal access to essential services for the population, as a collective responsibility of all sectors from the government to the private sectors and the community, continuously encouraging social change and progress regardless of background differences. In line with this, the Brunei Darussalam Social Blueprint emphasises values that are more inclusive, and within its framework outlines aspirations for various aspects of social life primarily focusing on human development, encompassing individuals, families, and communities, as well as the crucial role of institutions in the country supporting this human development.*

*I am fully confident that with the active involvement and support of all parties, the successes envisioned through the aspirations in this Social Blueprint, insya-Allah, can be fully achieved. However, it should be remembered that the essence of this document is dynamic in nature and will be influenced by current conditions and trends. Therefore, involved parties should be prepared with the ability to face such situations including empowerment in its continuous implementation taking into account matters related to training, skill enhancement, policy development, and effective programme execution.*

*I earnestly hope that this Social Blueprint will propel our nation ever closer to achieving the aspirations laid out in Wawasan Brunei 2035, particularly towards Goal 2. It is my sincere desire that every layer of our society will continuously reap the benefits of the nation's development, all by the grace of Allah Subhanahu Wata'ala.*

*In closing, I wish to express my heartfelt appreciation and gratitude to all parties involved for their invaluable contribution of ideas, energy, efforts, and time in the creation of this Social Blueprint. May it stand as our sincere dedication and may we receive blessings and rewards from Allah Subhanahu Wata'ala.*

*Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

***His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni  
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien  
Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam***





# MUKADIMAH

**Yang Berhormat  
Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B)  
Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd Yussof**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II  
selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Kerja  
*Social Wawasan Brunei 2035*

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam, kerabat dan para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi jujur hingga ke akhir zaman.

*Social Blueprint* Negara Brunei Darussalam ini dihasilkan pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang ingin melihat wujudnya *Social Blueprint*, bagi Matlamat Kedua Wawasan Brunei 2035, iaitu Kualiti Kehidupan Rakyat Yang Tinggi.

Ke arah itu, *Social Blueprint* ini akan menjadi dokumen utama yang memacu dalam penyediaan, pelaksanaan dan pemantauan setiap dasar, strategi dan program yang berkaitan dengan agenda kemajuan dan pembangunan sosial, terutama dalam mendukung bidang-bidang keutamaan Wawasan Brunei 2035, khususnya, Hasil Pencapaian Kebangsaan bagi Matlamat Kedua Wawasan Brunei 2035.

Agenda kemajuan dan pembangunan sosial meliputi pelbagai bidang dari kesihatan, pendidikan, pekerjaan, mobiliti sosial dan kesejahteraan hidup yang memberikan setiap rakyat peluang untuk meningkatkan kualiti hidup. Dengan mengambilkira akan skop atau bidang pembangunan sosial yang begitu luas, teras utama yang ingin dicapai dari *Social Blueprint* ini adalah untuk memastikan setiap aspek agenda pembangunan sosial adalah bersifat mampan, inklusif dan menyeluruh, dan sasaran utama atau *future states* yang ingin dicapai adalah untuk memastikan kesejahteraan dan keselamatan rakyat dan negara terus dapat dinikmati pada masa ini, dan yang lebih penting lagi, pada masa hadapan.

Ke arah ini, setiap peringkat perlu sama-sama memainkan peranan untuk mendukung pelaksanaannya, ini termasuklah rakyat, masyarakat, kerajaan dan agensi-agensi yang berkepentingan daripada pelbagai sektor bukan kerajaan. Komitmen pelbagai pihak ini adalah kunci utama kejayaan *Social Blueprint*. Pensejajaran *Social Blueprint* dengan *Manpower Blueprint* dan *Economic Blueprint*, juga amat penting, terutama dalam menangani cabaran-cabaran yang cross-cutting dan melibatkan pelbagai pihak. Ketiga-tiga *Blueprint* yang mendukung ketiga-tiga Matlamat Wawasan Brunei 2035 ini adalah saling melengkapi satu sama lain.

Dalam kesempatan ini, sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja *Social Wawasan Brunei 2035*, Ahli-Ahli Kumpulan Kerja Penyediaan *Social Blueprint* Negara Brunei Darussalam, yang terdiri daripada pegawai-pegawai dari Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, khususnya, Urus Setia Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS), serta pihak-pihak yang turut terlibat dalam memberikan kerjasama serta sumbangan tenaga dan buah fikiran dalam penyediaan *Social Blueprint* Negara Brunei Darussalam ini. Semoga kerjasama dan sumbangan ikhlas yang diberikan oleh semua pihak akan mendapat keberkahan dan ganjaran pahala serta rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala juga. Aamiin Ya Rabbal' Al'amin.

# **FOREWORD**

**Yang Berhormat  
Pehin Datu Lailaraja Major General (Rtd)  
Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd Yussof**

*Minister at the Prime Minister's Office and Second Minister of Defence  
as Co-Chairman of Jawatankuasa Kerja  
Social Wawasan Brunei 2035*

*All praise is due to Allah Subhanahu Wata'ala. Blessings and peace to our beloved Prophet Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam, his kin, companions, and all who follow his teachings faithfully.*

*The creation of Brunei Darussalam Social Blueprint is in response to the titah of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Negara Brunei Darussalam, who envisions a Social Blueprint that aligns with the Second Goal of Wawasan Brunei 2035: High Quality of Life for the people.*

*This Blueprint will serve as a pivotal document, guiding the formulation, execution, and oversight of initiatives advancing social progress. It emphasises our commitment to the objectives of Wawasan Brunei 2035, particularly the national targets set for its Second Goal.*

*Our commitment to social advancement spans numerous sectors, including health, education, employment, social mobility and social welfare. Our aim is to provide every citizen with avenues to elevate their quality of life. Given the broad spectrum of social development, this Blueprint's primary objective is to ensure that every aspect of the social development agenda is sustainable, inclusive and holistic. Our future states or primary vision is to secure the current and future welfare and safety of our nation and its people.*

*For this vision to materialise, collective participation at all levels is imperative. This includes the dedication of our citizens, communities, government, and key agencies from various non-governmental sectors. The alignment of the Social Blueprint with the Manpower and Economic Blueprints is paramount, as it ensures comprehensive solutions to multidimensional challenges. Together, these three Blueprints form a cohesive strategy, each complementing the other, to achieve the aspirations of Wawasan Brunei 2035.*

*I extend my profound gratitude to the members of the Jawatankuasa Kerja Social Wawasan Brunei 2035, working committees from the Prime Minister's Office, and the Ministry of Culture, Youth, and Sports. Their relentless efforts and invaluable contributions have shaped the Social Blueprint. My heartfelt thanks also goes to the National Council on Social Issues (MKIS) and all those who have contributed their insights. May your collective efforts be blessed and rewarded by Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal' Al'amin.*



# MUKADIMAH

**Yang Berhormat  
Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi  
bin Haji Awang Mohamad**

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan  
selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja  
*Social* Wawasan Brunei 2035; dan  
Selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS)

Dengan mengangkatkan setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, Blueprint yang diterajui oleh Jabatan Perdana Menteri dan Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) telah diterbitkan. Ianya merupakan satu lagi kejayaan bagi Negara Brunei Darussalam dalam melengkapkan pensemajaran usahasama senegara dan halatuju bagi mencapai aspirasi-aspirasi kemajuan dan pembangunan sosial di Negara Brunei Darussalam. Selaras dengan keperluan dan perkembangan semasa dalam ekosistem jaminan sosial negara, *Blueprint* ini dihasratkan untuk menjadi sumber rujukan dan penunjuk arah dalam usaha memastikan negara bersedia berhadapan dengan perubahan masa depan secara proaktif dan responsif.

Penubuhan MKIS semenjak 2008, dengan ahli-ahli yang terdiri daripada Menteri-menteri Kabinet yang berkenaan, telah berperanan sebagai platform penting bagi menangani isu sosial merentasi pelbagai sektor di Negara Brunei Darussalam yang memerlukan tindakan bersepada. Isu-isu sosial yang dikenalpasti ditangani melalui lapan (8) pelan tindakan di bawah pengendalian lima (5) jawatankuasa khas, iaitu Jawatankuasa Khas Pembasmian Kemiskinan, Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak, Jawatankuasa Khas Isu Warga Emas dan Orang Kelainan Upaya, Jawatankuasa Khas Mentaliti Masyarakat, dan Jawatankuasa Khas Kegiatan Tidak Bermoral dan Pencegahan Jenayah.

Cabarannya dalam menangani isu sosial yang dibawa oleh arus perubahan masa, memerlukan perhatian yang sewajarnya daripada semua pihak. Usaha akan terus dilipatgandakan dalam meningkatkan dan memajukan pembangunan masyarakat secara inklusif melalui pendekatan senegara bagi menjunjung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar *Social Blueprint* ini dapat mentransformasikan tindakan termasuk pensemajaran dengan keperluan Wawasan Brunei 2035, khususnya Matlamat Kedua, Kualiti Kehidupan Rakyat Yang Tinggi.

Akhir kata, saya selaku Pengerusi bagi MKIS, menzahirkan sekalung ucapan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Buku *Social Blueprint* ini, khususnya Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja *Social* Wawasan Brunei 2035, Ahli-Ahli Kumpulan Kerja Penyediaan *Social Blueprint* Negara Brunei Darussalam, yang terdiri daripada pegawai-pegawai dari Jabatan Perdana Menteri dan Urus Setia Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS), serta pihak-pihak yang turut terlibat dalam memberikan kerjasama serta sumbangan tenaga dan buah fikiran dalam penyediaan *Social Blueprint* Negara Brunei Darussalam. Marilah kita bersama-sama mengandakan usaha ke arah mencapai semua sasaran yang telah ditetapkan dan berdoa agar ketiga-tiga matlamat Wawasan Brunei 2035 akan dapat direalisasikan dengan jayanya.

# **FOREWORD**

**Yang Berhormat  
Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi  
bin Haji Awang Mohamad**

*Minister of Culture, Youth and Sports  
as Co-Chairman of Jawatankuasa Kerja  
Social Wawasan Brunei 2035; and  
as Chairman of National Council of Social Issues (MKIS)*

*With utmost gratitude to the presence of Allah Subhanahu Wata'ala, the Blueprint, led by the Prime Minister's Department and the National Council on Social Issues (MKIS), has been published. It marks another success for Brunei Darussalam in aligning concerted efforts and direction towards achieving aspirations for progress and social development for the country. In line with the current needs and developments in the national social security ecosystem, this Blueprint is intended to serve as a reference and guide in efforts to ensure the country is prepared to face future changes proactively and responsively.*

*The establishment of MKIS since 2008, whose members comprise of relevant Cabinet Ministers, has played a role as an important platform that focuses on addressing social issues across various sectors in Brunei Darussalam that require integrated action. These social issues are steered through eight (8) action plans under five (5) special committees, namely the Special Committee on Eradication of Poverty; the Special Committee on Family Institutions, Women and Children; the Special Committee on Elderly and Persons with Different Abilities, the Special Committee on Social Mindset; and the Special Committee on Immoral Activities and Crime Prevention.*

*The challenges in addressing social issues brought about by the tide of change require due attention from all agencies. Efforts will be continuously intensified to enhance and advance inclusive community development through a Whole-of-Nation approach in line with the aspirations of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, so that this Social Blueprint can transform actions including alignment with the needs of Wawasan Brunei 2035.*

*In conclusion, as the Chairman of MKIS, I express my heartfelt congratulations and gratitude to all involved in the successful publication of this Social Blueprint, especially the members of the Social Working Committees for Wawasan Brunei 2035, the Working Group for the Preparation of the Social Blueprint of Brunei Darussalam, consisting of officers from the Prime Minister's Office and the Secretariat of the National Council on Social Issues (MKIS), as well as those who contributed their cooperation, efforts, and ideas in preparing the Brunei Darussalam Social Blueprint. Let us redouble our efforts together towards achieving all set targets and pray for the successful realization of all three goals of Wawasan Brunei 2035.*

## OBJEKTIF

*Social Blueprint Negara Brunei Darussalam* ialah dokumen yang dijadikan sebagai panduan dalam pelaksanaan setiap dasar dan strategi pembangunan sosial yang dilaksanakan oleh agensi-agensi berkepentingan di negara ini agar ia bersifat mampan, inklusif, menyeluruh dan sejajar dengan Wawasan Brunei 2035.





## OBJECTIVE

The Brunei Darussalam Social Blueprint is a document that serves as a guide for the implementation of social development policies and strategies carried out by relevant stakeholders in the country, ensuring that they are sustainable, inclusive, holistic, and aligned with Wawasan Brunei 2035.



# I Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

*Titah by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam*

## V Mukaddimah Foreword

## IX Objektif Objective

### 1 Definisi Kemajuan dan Pembangunan Sosial dalam Social Blueprint Negara Brunei Darussalam

*Definition of Social Progress and Development of Brunei Darussalam Social Blueprint*

### 4 Prinsip yang Memandu Social Blueprint Negara Brunei Darussalam

*Driving Principles of Brunei Darussalam Social Blueprint*

### 8 Pensejajaran Social Blueprint dengan Manpower Blueprint dan Economic Blueprint

*Alignment of Social Blueprint with Manpower Blueprint and Economic Blueprint*

**10 Analisis Situasi Semasa**  
*Current Situational Analysis*

**62 Ringkasan Dapatan Utama Analisis Situasi Semasa**  
*Summary of Key Findings on The Current Situational Analysis*

**64 Matlamat Pembangunan Sosial Negara Brunei Darussalam: Keadaan Masa Hadapan**  
*Brunei Darussalam's Social Development: The Future State*

**68 Domain Strategik Social Blueprint Negara Brunei Darussalam**  
*Strategic Domains of Brunei Darussalam Social Blueprint*

**70 Aspirasi, Matlamat Strategik dan Haluan Dasar Social Blueprint Negara Brunei Darussalam**  
*Aspirations, Strategic Goals and Policy Directions of Brunei Darussalam Social Blueprint*

**76 Kesimpulan**  
*Conclusion*





## Keperluan Asas Rakyat dan Penduduk Dipenuhi

*Fulfilling the Basic Needs of  
Citizens and Residents*

**01**



## Jaminan Kesejahteraan dan Keselamatan

*Securing Well-being and  
Safety*

**02**



## Masyarakat yang Berdaya Tahan

*Resilient Society*

**03**

Tiga (3) aspek penting kepada kemajuan dan pembangunan sosial menjadi keutamaan dan fokus strategik bagi *Social Blueprint* Negara Brunei Darussalam, seperti berikut:

### 1. Keperluan Asas Rakyat dan Penduduk Dipenuhi

Hasrat negara adalah untuk memastikan setiap lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang sosial dan demografi, mempunyai akses dan jaminan yang sama dan saksama kepada keperluan asas ke arah mencapai kualiti hidup yang tinggi dan mampan.

Dalam konteks penyediaan penjagaan kesihatan, ianya dikaitkan dengan sistem penjagaan kesihatan berkualiti tinggi yang menyumbang kepada kadar jangka hayat yang tinggi, pengurangan kadar penyakit tidak berjangkit, dan masyarakat yang membudayakan amalan gaya hidup yang sihat. Perkara sedemikian adalah penting ke arah melahirkan masyarakat yang sihat dari segi fizikal, berdaya tahan dan progresif.

*The three (3) important aspects of social progress and development prioritised and focused upon in the Brunei Darussalam Social Blueprint are as follows:*

### 1. Fulfilling the Basic Needs of Citizens and Residents

*The nation aspires to ensure every layer of society, regardless of social and demographic status, has access and assurance to the basic needs towards achieving a high and sustainable quality of life.*

*In the context of healthcare, a high-quality healthcare system has been linked to contributing towards high life expectancy, lower rate of non-communicable diseases cases and a society that embraces a healthy lifestyle. These are important factors that create a physically healthy society that is resilient and progressive.*

# Definisi Kemajuan dan Pembangunan Sosial Dalam Social Blueprint Negara Brunei Darussalam

Definition of Social Progress and Development in Brunei Darussalam Social Blueprint

Berkeraan dengan tempat tinggal sebagai keperluan asas, hasrat negara ialah bagi rakyat dan penduduk di negara ini mampu memiliki kediaman sendiri, dengan kadar pemilikan rumah menjelang tahun 2035 disasarkan pada 85%.

Ketika ini, kadar pemilikan rumah pada tahap 66%. Jumlah ini hanya mengambil kira penyediaan rumah di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN), dan belum termasuk rumah persendirian dan penyediaan rumah kepada golongan sasaran seperti yang kurang berkemampuan (daif, fakir dan miskin). Usaha ke hadapan adalah untuk memastikan perumahan akan datang adalah mampu milik, menjurus kepada pembangunan secara inklusif dengan penekanan terhadap Pendekatan Senegara termasuk menerokai potensi inisiatif Perkongsian Awam-Swasta (PPP).

Dalam bidang pendidikan, hasrat negara adalah untuk mencapai sistem pendidikan kelas pertama yang holistik, dengan menekankan kepentingan bagi pelajar di semua peringkat dibekalkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang sentiasa relevan, termasuk peringkat rendah, menengah, teknikal, vokasional serta pengajian tinggi. Pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat yang dinamik dan inklusif juga menjadi pendekatan yang diambil dalam bidang pendidikan, bagi tujuan melahirkan individu dan tenaga kerja yang produktif dan berdaya saing.

## 2. Jaminan Kesejahteraan dan Keselamatan

Ketersediaan peluang pekerjaan, warga sihat serta mewujudkan persekitaran yang selamat dan bersih merupakan penyumbang utama kepada kualiti kehidupan yang tinggi kepada masyarakat.

Inisiatif bagi mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat terus dipertingkatkan melalui penyediaan pekerjaan dan usaha-usaha yang berkaitan dengan pembangunan keupayaan dan kemahiran yang relevan kepada keperluan aktiviti ekonomi negara.

Dari sudut keamanan dan keselamatan, negara ini juga berhasrat untuk menjadi sebuah negara yang selamat dengan kadar jenayah yang rendah. Persekuturan yang bersih dan hijau sama ada di darat, laut dan udara turut dititikberatkan sebagai dukungan kepada masyarakat yang sihat dan persekitaran yang lestari.

*In regard to shelter as a basic need, the nation aspires for its citizens and residents to have the ability to have ownership of accommodation with a target of an 85% homeownership rate by 2035.*

*Currently, the homeownership rate stands at 66%. This figure only considers the housing under the National Housing Scheme (RPN) and does not include private homes and accommodations for targeted groups such as the financially disadvantaged (poor and destitute). Future efforts aim to ensure upcoming housing projects are affordable, aligned with inclusive-friendly development, emphasising the Whole-of-Nation Approach including exploring the potential of Public-Private Partnership (PPP) initiative.*

*Regarding education, the nation strives to achieve a first-class holistic education system, emphasising the provision of pertinent knowledge and skills for students across all levels, encompassing primary, secondary, technical, vocational, and higher education tiers. Dynamic and inclusive lifelong education and learning approach is also adopted in the field of education, with the aim of producing productive and competitive individuals and workforce.*

## 2. Securing Well-being and Safety

*The availability of employment opportunities, fostering a healthy society, and creating a safe and clean environment are key contributors to a high quality of life for the community.*

*Initiatives to create employment opportunities for the people are continuously enhanced through the provision of jobs and efforts related to the development of capabilities and skills relevant to the needs of the country's economic activities.*

*From the perspective of safety and security, the nation also aspires to be a secure nation with low crime rates. Clean and green environment, whether on land, sea and air is also emphasised as in supporting for a healthy society and sustainable environment.*

### **3. Masyarakat Berdaya Tahan**

Masyarakat berdaya tahan merupakan komponen penting kepada kemajuan dan pembangunan sosial, yang mencerminkan sebuah masyarakat yang bukan sahaja bersedia menghadapi cabaran malah bijak dalam merebut peluang yang menyumbang kepada pertumbuhan dan perubahan positif. Kedayaatahanan ini diperkuatkan lagi dengan penghayatan nilai-nilai Islam sebagai panduan dalam kehidupan bermasyarakat.

Pendekatan ini menjamin kesejahteraan dan kemakmuran generasi sekarang dan akan datang. Natijahnya, masyarakat yang hidup dalam harmoni dengan memegang teguh kepada prinsip-prinsip Islam serta menggalakkan kemajuan secara berterusan adalah paksi kepada menjadikan sebuah negara ‘Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur’ - negara yang baik (aman makmur), yang mendapatkan keredhaan Allah Subhanahu Wata’ala Yang Maha Pengampun.

### **3. Resilient Society**

*A resilient society is a crucial component for social progress and development, reflecting a society that is not only willing to face challenges but also adept at seizing opportunities that contribute to growth and positive change. This resilience is further strengthened by the internalisation of Islamic values as a guide for living harmoniously as a community.*

*This approach ensures the well-being and prosperity of the current and future generations. As a result, a society that lives in harmony that adheres to the principles of Islam and encourages continuous progress becomes the axis towards making a country ‘Baldatun, Tayyibatun Warabbun Ghafur’ – a nation that is good (peaceful and prosperous), earning the pleasure of Allah Subhanahu Wata’ala, the Most Forgiving.*



# Prinsip yang Memandu Social Blueprint Negara Brunei Darussalam

Driving Principles of Brunei Darussalam Social Blueprint



Prinsip yang memandu Social Blueprint adalah dilihat dari ekosistem yang lengkap meliputi Wawasan Brunei 2035; Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) dan Komitmen-Komitmen Antarabangsa yang selaras dengan prinsip-prinsip utama Maqasid Syariah.

### Wawasan Brunei 2035

Social Blueprint ini mendukung aspirasi Wawasan Brunei 2035 dengan matlamat-matlamat strategik yang disejajarkan dengan Hasil Pencapaian Kebangsaan yang telah dikenalpasti di bawah Matlamat Kedua Wawasan Brunei 2035, iaitu **Kualiti Kehidupan Rakyat yang Tinggi**.

### Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS)

MKIS berperanan penting dalam mengenal pasti dan menangani isu-isu sosial di negara ini. MKIS telah mengenal pasti 12 isu utama yang dilihat secara senegara, iaitu Kemiskinan, Rumah Daif, Pengangguran, Sekuriti Sosial, Mentaliti Masyarakat, Kegiatan Tidak Bermoral, Pencegahan Jenayah, Warga Emas, Orang Kelainan Upaya (OKU), Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak.

Pelan-pelan Tindakan di bawah Jawatankuasa-Jawatankuasa Khas MKIS bagi menangani isu-isu sosial tersebut juga diselaraskan dengan aspirasi Social Blueprint. Termasuklah dalam penyediaaan dasar, akta atau program yang melibatkan pelbagai agensi peneraju dan keahlian daripada agensi masing-masing.

### Komitmen di Peringkat Antarabangsa

Antara komitmen negara yang digunakan sebagai rujukan kepada Social Blueprint ini termasuklah ASEAN, United Nations Human Development Index (HDI) dan United Nations Sustainable Development Goals (SDGs).

Komitmen Negara Brunei Darussalam dalam ASEAN adalah untuk merealisasikan ASEAN Socio-Cultural Community (ASCC) Blueprint 2025, iaitu strategi dan mekanisme perancangan di bawah ASEAN Socio-Cultural Community (ASCC) bagi membangun dan memperkuatkannya penyalarasannya rangka kerja dan dasar dari aspek pembangunan manusia, perlindungan sosial, kesejahteraan alam sekitar lestari, dan pengurangan jurang pembangunan.

The principles guiding the Social Blueprint are observed from a comprehensive ecosystem that includes the Wawasan Brunei 2035; National Council on Social Issues (MKIS) and the international commitments that align with Maqasid Syariah.

### Wawasan Brunei 2035

The Social Blueprint supports the aspirations of Wawasan Brunei 2035 with strategic goals aligned with the National Outcomes identified under the Second Goal of Wawasan Brunei 2035, which is **High Quality of Life**.

### National Council on Social Issues (MKIS)

The MKIS plays an important role in identifying and addressing the nation's social issues. MKIS has identified 12 main issues that are being addressed in the nation, such as Poverty, Dilapidated Houses, Unemployment, Social Security, Societal Mindset, Unethical Activities, Crime Prevention, Elderly Person, Person with Disabilities (PWDs), Family Institutions, Women and Children.

The Action Plans under the committees of MKIS in addressing these social issues are also aligned with the aspirations of the Social Blueprint. This includes the formulation of policies, acts, or programs involving various lead agencies and membership from their respective agencies.

### International Commitments

Among the nation's commitments used as references for this Social Blueprint includes ASEAN, the United Nations Human Development Index (HDI), and the United Nations Sustainable Development Goals (SDGs).

Brunei Darussalam's commitment within ASEAN is to realise the ASEAN Socio-Cultural Community (ASCC) Blueprint 2025, which functions as the planning strategy and mechanism under the ASEAN Socio-Cultural Community (ASCC) to develop and strengthen the alignment of frameworks and policies in terms of human development, social protection, sustainable environmental well-being, and narrowing development gaps.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah di Mesyuarat Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam sesi ketujuh puluh.

*His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam addresses the general debate of the United Nations General Assembly's seventieth session.*

ia juga dijadikan sebagai sumber rujukan bagi memastikan tahap kemajuan dan pembangunan sosial di negara ini adalah selaras dengan komitmen tersebut.

Negara Brunei Darussalam komited untuk meningkatkan indeks pembangunan manusia melalui penglibatan dalam menaikkan kualiti hidup rakyat dengan memberi tumpuan kepada faktor-faktor seperti pendidikan, jangka hayat, dan pendapatan per kapita. Negara ini menekankan pembelajaran sepanjang hayat dan berdaya tahan dari segi pembelajaran secara bersemuka, secara maya atau jarak jauh. Komitmen negara terhadap keterangkuman yang jelas melalui kaedah penilaian alternatif, sokongan yang diberikan kepada pelajar-pelajar golongan kurang berkemampuan.

Negara Brunei Darussalam juga memberi keutamaan tinggi kepada kesihatan sejagat dalam memastikan rakyat mendapatkan kehidupan yang sihat dan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh dan berkualiti. Digitalisasi dalam perkhidmatan kesihatan juga turut diberi keutamaan bagi memastikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi.

*It is also used as a reference source to ensure that the level of progress and social development in the country is in line with these commitments.*

*Brunei Darussalam is committed to enhancing its Human Development Index (HDI) through engagement in improving the quality of life for its people by focusing on factors such as education, life expectancy, and per capita income. The nation emphasises lifelong learning and sustainability in terms of face-to-face, virtual or distance learning. The nation's commitment to inclusivity is evident through alternative assessment methods and support provided for underprivileged students, and various layers of society.*

*Brunei Darussalam also places a high priority on universal health, ensuring its people lead healthy lives with access to comprehensive and quality healthcare services. Digitalisation in healthcare services is also given priority to ensure high-quality healthcare services.*

Negara Brunei Darussalam telah menyatakan hasrat dan komitmen untuk mencapai kesemua 17 Matlamat yang digariskan di bawah *2030 Agenda for Sustainable Development Goals (SDGs)*. Antara perkembangan negara yang digariskan dalam *Voluntary National Review (VNR)* adalah pencapaian dalam sektor pendidikan yang mana menampakkan kadar literasi yang tinggi pada 97.2% pada tahun 2019, berbanding dengan 69.4% pada tahun 1971. Dari segi kesihatan pula, perkhidmatan kesihatan ibu dan anak yang berkualiti, serta liputan imunisasi, juga telah menunjukkan peningkatan yang ketara. Komitmen untuk mencapai SDGs ini memerlukan pendekatan senegara termasuklah pihak kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan atau *non-governmental organisations (NGOs)* dan masyarakat keseluruhannya.

### Maqasid Syariah

Prinsip yang memandu dalam *Social Blueprint* ini adalah selaras dengan tujuan-tujuan Maqasid Syariah dalam memelihara kemaslahatan manusia iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Prinsip ini mencerminkan keutuhan Islam sebagai agama rasmi negara dan menjadikannya sebagai amalan dalam kehidupan seharian.

Ia juga menekankan kepentingan Islam dalam menjaga kesejahteraan setiap lapisan masyarakat di negara ini yang menjurus kepada pembangunan sosial dengan tumpuan bagi memenuhi keperluan asas rakyat, memelihara kesejahteraan sosial dan membina masyarakat yang bersepadu dan berdaya tahan. Maqasid Syariah juga merupakan tunjang utama yang mempengaruhi penyediaan serta pelaksanaan *Social Blueprint*.

Brunei Darussalam has expressed the intent and commitment to achieve all 17 Goals outlined under the 2030 Agenda for Sustainable Development Goals (SDGs). Among the country's development highlighted in the Voluntary National Review (VNR) is in the field of education, with a high literacy rate of 97.2% in 2019 compared to 69.4% in 1971. In terms of health, services for quality maternal and child health, as well as immunisation coverage, have also seen significant improvement. The commitment to achieving these SDGs requires a Whole of Nation approach, involving the government, private sector, non-governmental organisations (NGOs), and the entire community.

### Maqasid Syariah

The guiding principles in this Social Blueprint are in line with the objectives of Maqasid Syariah, aiming to preserve the well-being of humanity by safeguarding religion, life, intellect, progeny, and wealth. This principle reflects the integrity of Islam as the official religion of the nation and as a practice in everyday life.

It also emphasises the importance of ensuring the welfare of every layer of society in the country, leading towards social development with a focus on meeting the basic needs of the people, preserving social well-being, and building an integrated and resilient community. Maqasid Syariah serves as a fundamental pillar influencing the formulation and implementation of the Social Blueprint.

# Pensejajaran Social Blueprint dengan Manpower Blueprint dan Economic Blueprint

Alignment of Social Blueprint with Manpower Blueprint and Economic Blueprint

PENSEJAJARAN  
ALIGNMENT

MATLAMAT 1:  
RAKYAT YANG  
BERPENDIDIKAN,  
BERKEMAHIRAN TINGGI  
DAN BERJAYA

*GOAL 1:  
EDUCATED, HIGHLY SKILLED  
AND ACCOMPLISHED PEOPLE*

MATLAMAT 2:  
KUALITI KEHIDUPAN  
YANG TINGGI

*GOAL 2:  
HIGH QUALITY OF LIFE*

MATLAMAT 3:  
EKONOMI YANG DINAMIK  
DAN BERDAYA TAHAN

*GOAL 3:  
A DYNAMIC AND  
SUSTAINABLE ECONOMY*

PENETAPAN HALA  
TUJU KEMAJUAN  
KEBANGSAAN DI  
PERINGKAT MAJLIS  
TERTINGGI

*DIRECTION SETTING  
AT THE COUNCIL LEVEL*

JAWATANKUSA KERJA  
MANPOWER WAWASAN  
BRUNEI 2035

*MANPOWER  
BLUEPRINT*

JAWATANKUSA KERJA  
SOCIAL WAWASAN  
BRUNEI 2035

*SOCIAL  
BLUEPRINT*

PELAN-PELAN  
STRATEGIK DAN RANGKA  
KERJA SEKTORAL

*STRATEGIC PLANS AND  
KEY SECTOR ROADMAPS*

JAWATANKUSA KERJA  
ECONOMIC WAWASAN  
BRUNEI 2035

*ECONOMIC  
BLUEPRINT*

PENETAPAN HALA TUJU  
DAN PENYELARASAN  
DASAR DI PERINGKAT  
KEMENTERIAN

*DIRECTION SETTING  
AND COORDINATION  
AT MINISTERIAL LEVEL*

KOORDINASI KEMENTERIAN  
DAN AGENSI PELAKSANA

*ACTION AND IMPLEMENTATION  
COORDINATION*

## Pensejajaran Social Blueprint dengan Manpower Blueprint dan Economic Blueprint

Alignment of Social Blueprint with Manpower Blueprint and Economic Blueprint

Pensejajaran dalam pembangunan sosial, tenaga kerja dan ekonomi adalah dihasratkan bagi Negara Brunei Darussalam untuk mencapai kemajuan yang holistik dan inklusif. Pensejajaran ini bukan sahaja memperkuatkkan kedudukan ekonomi negara, malah membina masyarakat yang berdaya tahan, inklusif dan berakhlik tinggi. Sinergi ketiga-tiga Blueprint ini akan menempatkan hala tuju negara ke arah masa hadapan yang lebih baik.

*Social Blueprint* ini disejajarkan dengan *Manpower Blueprint* dan *Economic Blueprint* melalui penitian terhadap keutamaan-keutamaan yang diketengahkan dalam *blueprint-blueprint* berkenaan. Setiap keutamaan di bawah *Social Blueprint* menjurus kepada mendukung usaha-usaha ke arah merealisasikan ketiga-tiga Matlamat Wawasan Brunei 2035 khususnya menerusi Matlamat Kedua.

Pelan Strategik Kementerian-Kementerian turut memainkan peranan sebagai inti pati utama dalam penyediaan *Social Blueprint* ini. Pensejajaran Hala Tuju Strategik di bawah Pelan Strategik setiap kementerian yang berkaitan dengan pembangunan sosial menjadi sandaran utama bagi memastikan haluan dasar yang dibentuk bagi *Social Blueprint* adalah selaras dan dapat dikendalikan sepenuhnya oleh setiap kementerian.

Key Sectoral Masterplan yang sedia ada, seperti Brunei Darussalam National Climate Change Policy (BNCCP), Digital Economy, Dasar Belia Negara dan Strategi 2020 – 2035 (DBNS 2020 – 2035), Rangka Kerja Kebangsaan Perlindungan Kanak-Kanak (NFCP), juga disejajarkan dari aspek objektif dan inisiatif atau dengan domain strategik yang dikenalpasti dalam *Social Blueprint*. Penyelarasian strategik ini akan mengukuhkan usaha mencapai matlamat *Social Blueprint* dan kejayaannya.

The alignment in social, workforce and economic development is aspired for Brunei Darussalam to achieve holistic and inclusive progress. This alignment not only reinforces the nation's economic position but also builds a resilient, inclusive, and morally upright society. The synergy of these three Blueprints will set the direction of the country towards a better future.

The *Social Blueprint* is aligned with the *Manpower Blueprint* and *Economic Blueprint* through an assessment of the priorities outlined in these respective blueprints. Each priority under the *Social Blueprint* contributes to supporting efforts towards achieving the three goals of Wawasan Brunei 2035, especially through the Second Goal.

The Strategic Plans of the ministries also play a pivotal role as the core essence in the formulation of this *Social Blueprint*. The alignment of the Strategic Directions under the Strategic Plans of each ministry related to social development serves as the main support to ensure that the policy direction formulated for the *Social Blueprint* is coherent and can be effectively managed by each ministry.

The existing Key Sectoral Masterplans, such as the Brunei Darussalam National Climate Change Policy (BNCCP), Digital Economy, the National Youth Policy and Strategy 2020-2035 (DBNS 2020-2035), as well as the National Framework on Child Protection (NFCP), are also aligned in terms of objectives and initiatives with the identified strategic domains of the *Social Blueprint*. This strategic alignment will strengthen efforts to achieve the goals of the *Social Blueprint* and contribute to its success.

## Analisis Situasi Semasa

Analisis Situasi Semasa telah dibuat untuk memberikan gambaran dari sudut pencapaian dan cabaran situasi masa kini bagi beberapa domain strategik yang berkaitan dengan pembangunan sosial di Negara Brunei Darussalam. Domain strategik ini ialah perisian *Social Blueprint* yang berhubung kait dengan strategi-strategi Wawasan Brunei 2035 di bawah Matlamat Kedua, seperti yang berikut:-

### 1. Kesihatan

#### Pencapaian

Liputan kesihatan sejagat pada tahap yang tinggi bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan seperti liputan imunisasi dan perkhidmatan kesihatan ibu dan anak.

Kadar imunisasi juga menampakkan peningkatan yang signifikan dalam kalangan pelbagai kumpulan demografi, dengan tumpuan khusus kepada golongan warga emas dan ibu mengandung atau menyusukan, mencerminkan komitmen Kementerian Kesihatan dalam usaha pengambilan vaksin.

Inovasi dalam bidang kesihatan turut menyumbang kepada pencapaian yang memberangsangkan, terutama dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan. Penggunaan teknologi dalam bidang kesihatan telah menghasilkan peningkatan kualiti perkhidmatan kesihatan, menyumbang kepada penerimaan maklumat kesihatan dan menggalakkan kepada perubahan positif dalam tingkah laku kesihatan.



#### Rancangan Tindakan Kesihatan Mental Brunei Darussalam 2022-2025.

Mental Health Action Plan Brunei Darussalam 2022-2025.

## Current Situational Analysis

An analysis of the current situation has been conducted to provide an overview of the achievements and challenges in the present context for several strategic domains related to social development in Brunei Darussalam. These strategic domains form part of the Social Blueprint that is intricately linked to the strategies of Wawasan Brunei 2035 under Goal Two, such as the following:-

### 1. Health

#### Achievements

Universal health coverage is at a high level for healthcare services such as immunisation coverage and maternal and child health services.

The immunisation rates also show a significant increase across various demographic groups, with a specific focus on the elderly and pregnant or nursing mothers, reflecting the Ministry of Health's commitment in vaccination efforts.

Innovation in the field of health has also contributed to a commendable achievement, particularly in healthcare service delivery. The use of technology in healthcare has resulted in an improvement in the quality of healthcare services, contributing to the accessibility of health information and encouraging positive changes in health behaviour.

Furthermore, awareness regarding mental health is on the rise, as evident in programmes implemented by the government, private sector, and NGOs. The Ministry of Health has introduced the Brunei Darussalam Mental Health Action Plan 2022-2025, outlining the key strategies in implementing mental health initiative in the country, aligning with the Comprehensive Mental Action Plan of the World Health Organization 2013-2020.



#### Kesihatan ibu dan anak.

Maternal and child health services.

>95%

100%



Mendapat perkhidmatan pakar semasa mengandung.

*Antenatal Coverage.*

Kelahiran dilaksanakan oleh tenaga kesihatan yang mahir.

*Birth attended by skilled healthcare workers.*

Pemberian lampin pakai buang dan alat penyusuan ibu sejak 1 April 2017.

*Provision of disposable diapers and maternal breastfeeding equipment since 1 April 2017.*

Kesedaran mengenai kesihatan mental juga semakin meningkat melalui program-program yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan, sektor swasta dan NGO. Kementerian Kesihatan memperkenalkan Rancangan Tindakan Kesihatan Mental Brunei Darussalam 2022 – 2025 yang memuatkan strategi utama dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif kesihatan mental di Negara Brunei Darussalam selaras dengan Rancangan Tindakan Mental Komprehensif Pertubuhan Kesihatan Sedunia 2013 – 2020.

#### Cabarani

Kadar jangka hayat penduduk negara ini mengalami sedikit penurunan, iaitu berkurangan daripada 79.4 tahun pada tahun 2020 kepada 77.6 tahun pada tahun 2021. Penurunan ini menunjukkan keperluan untuk terus memberikan perhatian kepada inisiatif kesihatan dan kesejahteraan.

Isu kesihatan seperti penyakit tidak berjangkit dan masalah kesihatan mental menunjukkan tren membimbangkan yang memberikan pelbagai cabaran kepada penyediaan sistem perkhidmatan kesihatan dan ekosistem pembangunan sosial negara. Kadar obesiti terutama bagi kanak-kanak adalah antara yang tertinggi di rantau Asia Tenggara. Dengan itu, peranan Jawatankuasa Multisektoral Task Force perlu diperkuatkukan lagi bagi menangani tren obesiti ini.




Meningkatnya kadar imunisasi bagi anak-anak damit.

*Increasing rate of immunisation for children.*

#### Challenges

*Life expectancy in the nation has experienced a slight decline, decreasing from 79.4 in 2020 to 77.6 in 2021. This decline highlights the need to continue focusing on health and well-being initiatives.*

*Health issues such as non-communicable diseases and mental health problems indicate worrisome trends, posing various challenges to the provision of healthcare system and the social development ecosystem of the nation. The obesity rates, especially among children, is among the highest in the Southeast Asian region. Therefore, the role of the Multisectoral Task Force needs to be further strengthened to address this obesity trend.*



**Kadar jangka hayat pada 2021 dan kadar jangkaan tahun 2035.**

*Life expectancy rate for 2021,  
and expected rate for 2035.*

Kesihatan mental mempengaruhi banyak aspek kehidupan dan kesejahteraan. Negara Brunei Darussalam mempunyai perkhidmatan kesihatan mental yang mudah diakses oleh masyarakat. Pelbagai inisiatif dan program meningkatkan kesedaran bagi kesihatan mental dan menanganistigma yang menjadi penghalang utama untuk mendapatkan bantuan giat dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan.

Di samping kemurungan dan masalah kesihatan mental yang lain, bunuh diri dan percubaan bunuh diri juga disebabkan oleh gabungan faktor sosial, psikologi, biologi, ekonomi, alam sekitar, tingkah laku dan budaya. Peningkatan kes bunuh diri pada tahun 2014 hingga 2018 adalah satu situasi yang membimbangkan dan usaha perlu dipertingkatkan terutama dalam aspek pencegahan dan rawatan secara holistik.



**Kesedaran Kesihatan mental meningkat**

*Increasing awareness on mental health.*



**1 Mac 2023, Talian Harapan 145 mula beroperasi 24 Jam.**

*1 March 2023, Hope Line 145 operates 24 hours.*

Mental health affects various aspects of life and well-being. Brunei Darussalam provides easily accessible mental health services for the community. Various initiatives and programmes aimed at raising awareness and addressing stigma, which is a major obstacle to seeking help, are actively implemented by the Ministry of Health.

In addition to depression and other mental health issues, suicide and suicide attempts are also caused by a combination of social, psychological, biological, economic, environmental, behavioral, and cultural factors. The increase in suicide cases between 2014 and 2018 is a concerning situation, and efforts need to be intensified, especially in terms of prevention and holistic treatment.

## 2. Pendidikan

### Pencapaian

Dengan berkuatkuasanya Akta Pendidikan Wajib Penggal 211 yang mewajibkan setiap kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam bersekolah bermula dari usia lima tahun, terdapat peningkatan pencapaian dalam pendidikan dari setahun ke setahun.

Pencapaian Negara Brunei Darussalam dalam penilaian *Programme for International Student Assessment (PISA)* bagi tahun 2022 telah menunjukkan peningkatan yang signifikan dari *PISA* 2018. Di antara negara-negara ASEAN yang ikut serta, Brunei Darussalam adalah salah satu daripada tiga negara teratas dalam semua domain *PISA* 2022. Skor bagi Negara Brunei Darussalam dalam ketiga-tiga domain adalah 442 bagi Matematik, 429 bagi Membaca dan 446 bagi Sains. Ini adalah peningkatan yang sangat ketara dan signifikan dibandingkan keputusan *PISA* 2018, dengan peningkatan sebanyak 12 skor dalam Matematik, 21 skor dalam Membaca dan 15 skor dalam Sains.

## 2. Education

### Achievements

With the enforcement of the Compulsory Education Act, Chapter 211, which mandates that every child in Brunei Darussalam attend school starting at the age of five, there has been a year-on-year improvement in educational achievements.

Brunei Darussalam's performance in the 2022 Programme for International Student Assessment (*PISA*) showed significant progress compared to *PISA* 2018. Among the ASEAN countries participating, Brunei Darussalam ranked among the top three in all *PISA* 2022 domains. The scores for Brunei Darussalam across the three domains were 442 in Mathematics, 429 in Reading, and 446 in Science. This represents a notable and significant improvement over the 2018 *PISA* results, with an increase of 12 points in Mathematics, 21 points in Reading, and 15 points in Science.



Tahap pendidikan Ugama/Arab di Negara Brunei Darussalam menunjukkan peningkatan yang ketara dalam kemahiran mengajar dan pencapaian pelajar.

The current state of Religious/Arabic education in Brunei Darussalam shows marked improvements in both teaching proficiency and student achievement.

**Pelajar Persekutuan Ugama - Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU)**

*Religious school students - Religious Primary Schools Education Certificate (SSSRU)*

2019  55%

2023 Mencapai gred 1 dan 2.  
Achieved grade 1 and 2.

**Pelajar Sekolah Arab - Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB)**

*Arabic School Students - Brunei Religious Education Certificate (SPUB)*

2020  15%

2022 Mencapai agregat 6-8.  
Achieved aggregate 6-8.

**Pelajar Sekolah Arab - Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB)**

*Arabic School Students - Brunei Religious Education Higher Certificate (STPUB)*

2020  40%

2022 Mencapai pangkat Mumtaz.  
Achieved Mumtaz rank.

Antara tahun 2018 hingga 2022, lebih daripada 90% tenaga pengajar di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama mencapai tahap tiga ke atas dalam penilaian *Brunei Teachers Standard-Teacher's Performance Appraisal (BTS-TPA)*, menandakan peningkatan signifikan dalam standard pengajaran dan pembangunan profesional.

Pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam utama juga adalah sangat memberangsangkan. Pencapaian dalam peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR), peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'O' Level, IGCSE dan peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'A' Level menggambarkan tren keputusan yang konsisten sepuluh tahun kebelakangan.

Manakala, bagi Pengajian Tinggi, Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) masing-masing berada dalam kedudukan ke-387 dan ke-525 dalam QS World University Rankings mengikut piawaian baharu bagi tahun 2024. Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pula buat julung kalinya tersenarai di kedudukan ke-74 dalam QS Asian University Ranking - South Eastern Asia bagi tahun 2024.

*Between 2018 and 2022, over 90% of educators in the Ministry of Religious Affairs achieved level 3 or higher in the BTS-TPA assessment, highlighting a significant rise in teaching standards and professional development.*

*The achievements of students in major public examinations have been highly encouraging. The performance in the Primary School Assessment (PSR), Brunei-Cambridge GCE 'O' Level, IGCSE, and Brunei-Cambridge GCE 'A' Level examinations reflects a consistent trend of results over the past ten years.*

*Meanwhile, in higher education, Universiti Brunei Darussalam (UBD) and Universiti Teknologi Brunei (UTB) have been ranked 387th and 525th, respectively, in the QS World University Rankings according to the new standards for the year 2024. Additionally, Sultan Sharif Ali Islamic University (UNISSA) has, for the first time, been listed in the 74th position in the QS Asian University Ranking - South Eastern Asia for 2024.*

 Program bantuan khas membekalkan komputer riba (sebanyak 10,992) dan data.

Special Assistance Programme supplying laptops (around 10,992) and data.

Keperluan untuk meningkatkan sokongan bagi pelajar berkelainan upaya.

The need to increase the support for students with different abilities.



Pelajar daripada keluarga yang kurang berkemampuan terus diberi perhatian khusus selaras dengan penekanan aspek ekuiti dan kesaksamaan akses kepada pendidikan berkualiti, ini termasuk penyediaan kemudahan dalam negeri dalam bentuk penyediaan asrama, kenderaan, pemberian elauan dan penyediaan pemakanan.


Setakat bulan April 2023, seramai 2,411 orang pelajar berkeperluan khas sedang mengikuti pembelajaran di sekolah-sekolah kerajaan di pelbagai peringkat. Pelajar berkeperluan khas ini mengikuti program Pendidikan Khas yang bersesuaian dengan tahap keupayaan masing-masing. Ini adalah bagi mempersiapkan diri mereka dengan kemahiran asas hidup serta kemahiran profesional agar mereka mampu bersaing dan menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara. Pelbagai inisiatif berjaya dilaksanakan selaras dengan usaha berterusan untuk memperkasa dan mempromosi gagasan Pendidikan Inklusif di Negara Brunei Darussalam berpaksikan kepada prinsip 5A: Acceptance (Penerimaan), Accessibility (Aksesibiliti), Adapted Curriculum (Kurikulum Disesuaikan), Adapted Instruction (Arahan Disesuaikan) dan Adapted Assessment (Penilaian Disesuaikan).

Students from underprivileged families continue to receive special attention in line with the emphasis on equity and equality to quality education. This includes providing on-site facilities such as dormitories, transportation, allowances, and provision of meals.

As of April 2023, a total of 2,411 students with special needs are studying in government schools across various levels. These students are enrolled in Special Education programmes tailored to their individual abilities. This is aimed at preparing them with basic life skills and professional abilities so that they can compete and contribute to the development of society and the country. Various successful initiatives have been implemented in line with continuous efforts to empower and promote the concept of Inclusive Education in Brunei Darussalam, guided by the 5A principles: Acceptance, Accessibility, Adapted Curriculum, Adapted Instruction, and Adapted Assessment.

#### Gagasan Pendidikan Inklusif Prinsip 5A

Inclusive Education Concept  
5A Principles



Pelaksanaan inisiatif  
penubuhan Pusat  
Kecemerlangan  
Pendidikan Khas, Centre  
of Excellence (CoE).

Implementation of the initiative to  
establish the Centre of Excellence (CoE)  
for Special Education Excellence.

Efforts to optimise learning resources at the school level remain a primary focus, highlighted by strategic initiatives such as the establishment of the Centre of Excellence for Special Education (CoE). Upgrades on certain primary and secondary schools to meet minimum special education standards and to place student from the same catchment areas. Additionally, Special Schools have been introduced to enhance the effectiveness of special education, especially for Priority Levels 4 and 5 students.

Usaha mengoptimalkan sumber pembelajaran di peringkat sekolah terus menjadi fokus utama menerusi pelaksanaan inisiatif strategik seperti penubuhan Pusat Kecemerlangan Pendidikan Khas atau *Centre of Excellence (CoE)*. Beberapa sekolah rendah dan menengah dinaik taraf untuk memenuhi piawaian minima pendidikan khas, dan menempatkan para pelajar dari kawasan tadahan yang sama. Di samping itu, penubuhan Sekolah Khas juga diperkenalkan menjurus kepada meningkatkan keberkesanannya pendidikan pelajar berkeperluan khas khususnya bagi pelajar Tahap Keutamaan 4 dan 5.

Bagi memastikan keupayaan dan kesediaan pihak sekolah dalam menyediakan pendidikan berkualiti yang saksama dengan pengetahuan dan kemahiran abad ke-21, Kementerian Pendidikan telah dibekalkan dengan sebuah komputer riba kepada setiap seorang guru-guru di Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Hal Ehwal Ugama. Semua sekolah juga telah disediakan kemudahan rangkaian internet (*internet connection*) termasuklah di sekolah-sekolah pendalam seperti Sekolah Rendah Sukang dan Sekolah Rendah Melilas.

#### Cabarani

Secara am tren peratus kemasukan pelajar ke pasca menengah mendatar bagi lima tahun kebelakangan (2017 – 2021) menunjukkan perlunya untuk meningkatkan lagi usaha dalam meluaskan akses kepada pendidikan di peringkat pasca menengah.

Terdapat keperluan untuk meningkatkan kapasiti dan ketersediaan tenaga pengajar dalam memastikan keberkesanannya sepenuhnya pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas. Jumlah guru pendidikan khas pada masa ini seramai 178 orang adalah jauh lebih rendah daripada jumlah sebenar yang diperlukan bagi menampung bilangan pelajar berkeperluan khas seramai 2,411 orang.



Akses kepada pendidikan di peringkat pasca menengah yang masih terhad.

Access to post-secondary education is still limited.

2,411

Orang pelajar berkeperluan khas bersekolah di sekolah kerajaan.

Students with special needs are studying at government schools.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama penerima rumah, Dayangku Fa'aezah Nordzaryah binti Pengiran Tajudin serta keluarga.

*His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam took a group photo with the house recipient Dayangku Fa'aezah Nordzaryah binti Pengiran Tajudin and family.*

### 3. Infrastruktur

#### A. Perumahan

##### Pencapaian

Bagi mendukung aspirasi dan hasrat kerajaan agar semua rakyat dan penduduk negara mempunyai rumah kediaman sendiri, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan merancang dan melaksanakan projek perumahan di bawah Skim Perumahan Negara (SPN) bagi menyediakan rumah yang selamat, berkualiti dan mampu milik.

Jumlah peratus kadar bagi penduduk negara yang memiliki rumah sebanyak 66% pada tahun 2022. Jumlah tersebut termasuk penduduk yang tinggal bersama ahli keluarga yang mempunyai rumah persendirian dan SPN. Bagi SPN, ia merupakan satu perkhidmatan yang ditawarkan khas bagi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan syarat-syarat yang tertentu.

### 3. Infrastructure

#### A. Housing

##### Achievements

*To support the aspirations of the government for all citizens and residents to own houses, the Ministry of Development, through the Housing Development Department, plans and implements housing projects under the National Housing Scheme (SPN) to provide safe, quality, and affordable houses.*

*The percentage of the population owning houses was 66% in 2022. This figure includes those residing with family members who own private homes and the national housing scheme. The SPN is a specially offered service for citizens of His Majesty Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, subject to specific criteria.*

Untuk mencapai sasaran sebanyak 85% pemilikan rumah menjelang 2035, pihak kerajaan mengendalikan beberapa inisiatif untuk meningkatkan jumlah kadar pemilikan rumah. Antaranya Skim Tabungan Perumahan (STP), iaitu salah satu perkhidmatan yang ditawarkan di bawah Tabung Amanah Pekerja (TAP). Simpanan di bawah skim ini hanya boleh dikeluarkan untuk tujuan perumahan dan pembayarannya mengikut prosedur Skim Pengeluaran Perumahan TAP. Pada tahun 2021 seramai 137 permohonan bagi pengeluaran STP diterima seperti yang dicatatkan dalam Brunei Darussalam Statistical Yearbook 2021.

Bagi memastikan urusan hal ehwal pembelian tanah dan rumah dikawal selia secara teratur dari segi pendaftaran penilai dan ejen hartanah, urusan hal ehwal pembelian tanah dan rumah serta penguatkuasaan Perintah Penilai dan Ejen Hartanah, pihak Kementerian Pembangunan menubuhkan *Board of Valuers and Estate Agents (BoVEA)* dan juga *Board of Housing Developers (BHD)*.

Selain itu, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga sama-sama berusaha untuk mendapatkan kaedah pembinaan rumah yang mampu milik melalui *Public-Private Partnership (PPP)*. Kementerian Pembangunan dan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) juga bekerjasama untuk membantu golongan daif, fakir dan miskin melalui projek bantuan pembinaan rumah.

*To achieve the target of 85% home ownership by 2035, the government has undertaken several initiatives to increase the homeownership rate. Among these initiatives is the Home Savings Scheme (STP), which is offered under the Employees Trust Fund (TAP). Savings under this scheme can only be withdrawn for housing purposes, following the TAP Housing Withdrawal Scheme procedures. In 2021, 137 individuals applied for withdrawals under the Home Savings Scheme, as recorded in the Brunei Darussalam Statistical Yearbook 2021.*

*To ensure that land and house purchase matters are properly regulated in regard to registration of valuers and property agents, land and house purchase affairs and enforcement of valuation orders and property agents, Ministry of Development established the Board of Valuers and Estate Agents (BoVEA) and the Board of Housing Developers (BHD).*

*Furthermore, the Ministry of Development and the Ministry of Finance and Economy are also working together to explore affordable housing construction methods through Public-Private Partnership (PPP). The Ministry of Development and the Islamic Religious Council of Brunei (MUIB) also collaborate to assist the poor and destitute through housing construction aid projects.*



Rumah Teres di Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang.

Terrace houses in the National Housing Scheme Kampung Meragang.



### Pemilikan rumah pada 2022.

Homeownership of 2022.



66%

### Sasaran pemilikan rumah menjelang 2035.

Homeownership target by 2035.



85%

### Cabaran

Dalam usaha untuk menyediakan rumah mampu milik, pihak Kementerian Pembangunan menghadapi beberapa cabaran, antaranya jumlah pemohon SPN yang tinggi terdiri daripada golongan berpendapatan dalam lingkungan BND445.00 – BND999.00 dan golongan yang tiada berpendapatan.

### Challenges

In an attempt to provide affordable houses, the Ministry of Development is experiencing several challenges. This includes a high number of SPN applicants from the income range of \$445.00 – \$999.00 and those without income.



Suasana bergotong-royong semasa aktiviti membersihkan persekitaran kampung antara penduduk Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang.

The spirit of cooperation during the activity of cleaning the village environment among the residents of the National Housing Scheme Kampung Meragang.

## B. Pembangunan Bangunan Awam

### Pencapaian

Pada tahun 2019, Kementerian Pembangunan melalui pihak Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi) bersama Jabatan Perkhidmatan Bangunan, Jabatan Kerja Raya (JKR) menjalankan projek rintis bagi mengaudit 13 buah bangunan kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan yang dibina sebelum Perintah Kawalan bangunan tersebut dikuatkuasakan bagi mendapatkan garis dasar atau *baseline* bangunan awam berdasarkan keperluan *Different Abilities Design Guidelines (DADG) 2018*.

Pihak ABCi juga memantau bangunan awam dengan mendapatkan laporan daripada orang-orang berkelayakan (pakar) atau *Qualified Person* terhadap kemudahan yang disediakan dan didapati bahawa penyediaan keperluan serta kemudahan OKU masih belum dapat dicapai sepenuhnya.

### Cabaran

Antara cabaran yang dihadapi bagi pembangunan bangunan awam ialah kemudahan bagi OKU belum lagi memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam *DADG 2018*. Hasil daripada projek rintis tersebut didapati secara amnya, bangunan yang dibina sebelum keperluan Perintah Kawalan Bangunan adalah tidak menepati keperluan dan kemudahan OKU.

Dalam usaha ke arah penyediaan keperluan tersebut bagi bangunan kerajaan, pihak ABCi akan merujuk semula kepada kementerian dan jabatan mengenai keperluan *DADG* untuk dijadikan keutamaan bagi sebarang kerja pengubahsuaian bangunan kerajaan

## B. Public Building Development

### Achievements



In 2019, the Ministry of Development, through the Authority on Building Control and Construction Industry (ABCi) in collaboration with the Department of Building Services, Public Works Department, conducted a pilot project to audit 13 government buildings under the Ministry of Development that were constructed before the Building Control Order was enforced. This aimed to establish a baseline for public buildings based on the requirements of the Different Abilities Design Guidelines (DADG) 2018.

ABCi also monitors public buildings by receiving reports from Qualified Person on the facilities provided and found that the provision of requirements and facilities for PWDs has not been fully achieved.

### Challenges

Among the challenges in public building development is that facilities for PWDs have yet to fully meet the requirements set in the *DADG 2018*. The pilot project revealed that, in general, buildings constructed before the Building Control Order requirements do not comply with the needs of PWDs.

In efforts to address these requirements for government buildings, ABCi will re-engage ministries and departments to prioritise the needs of *DADG*, especially for any modifications



Kemudahan seperti penyediaan kerusi roda, tanjakan, dan tempat letak kereta khas untuk OKU di masjid-masjid untuk memudahkan mereka menjalankan aktiviti ibadah.

Facilities such as wheelchairs, ramps, and designated parking for PWDs are provided at mosques to ease their worship activities.

### Building Control Order 2014

Different Abilities Design Guidelines 2018



Peningkatan peraturan agar pembinaan lebih selamat dan berkualiti.

Improved regulation for safer and quality construction.

yang sering dikunjungi bagi urusan orang ramai dalam memastikan OKU dapat mengunjungi bangunan awam dan menjalankan aktiviti dengan selesa.

to government buildings frequently visited by the public, ensuring comfortable access and activities for PWDs.

### C. Kemudahan Awam

#### Pencapaian

Negara Brunei Darussalam adalah salah satu negara yang mempunyai prasarana dan kemudahan awam yang berkualiti tinggi dan berdaya tahan termasuklah jalan raya, bekalan air bersih, rawatan sisa air dan bekalan elektrik. Kemudahan-kemudahan ini disediakan oleh pihak kerajaan sebagai usaha untuk mencapai Matlamat Kedua Wawasan Brunei 2035, iaitu Kualiti Kehidupan Rakyat Tertinggi.

Melalui projek bekalan air dan pembetungan yang dikendalikan oleh pihak Kementerian Pembangunan, 100% penduduk negara ini mempunyai akses kepada bekalan air minum yang bersih, selamat, mampan dan pada harga yang berpatutan. Manakala, 94% penduduk mempunyai akses kepada kemudahan sanitasi termasuk perkhidmatan rawatan sisa air secara percuma.

Sebanyak 99.9% jumlah penduduk negara ini juga mendapat akses kepada elektrik. Dalam usaha untuk mewujudkan momentum membina infrastruktur tenaga lestari, Jabatan Perkhidmatan Elektrik memasang dua lagi sistem photovoltaic (PV) Suria untuk Bangunan Kompleks Utama Bumiputera, Daerah Temburong dan Pejabat Daerah Temburong.

Sektor swasta dan badan korporat juga telah banyak memainkan peranan yang lebih proaktif dalam mendukung, mahupun menyumbang kepada inisiatif tenaga lestari kebangsaan. Antara usaha yang dapat dilihat adalah Loji Solar BSP 3.3MW yang baru dilancarkan di Seria dan Sistem PV Suria Rooftop

#### C. Public Utilities

#### Achievements

Brunei Darussalam is one of the countries that has high quality and resilient public infrastructure and facilities, including road networks, clean water supply, wastewater treatment, and electricity supply. These efforts are aligned with the Second Goal of Wawasan Brunei 2035, which is the High Quality of Life for its citizens and residents.

Through water supply and sanitation projects managed by the Ministry of Development, the country's population has 100% access to safe, clean, sustainable drinking water at affordable prices. Additionally, 94% of the population has access to sanitation facilities, including free wastewater treatment services.

99.9% of the population also has access to electricity. In the pursuit of building renewable energy infrastructure, the Department of



Keperluan untuk persediaan kemudahan OKU menurut Different Abilities Design Guidelines 2018.

The need to prepare facilities for PWDs according to Different Abilities Design Guidelines 2018.



Loji Tenaga Suria Brunei, loji yang pertama dan satu-satunya Loji Tenaga Fotovoltaik (P) di Brunei Darussalam, dikendalikan dan diselenggarakan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri.

*Loji Tenaga Suria Brunei, the first and only Photovoltaic Energy Plant (P) in Brunei Darussalam, managed and maintained by the Department of Electrical Services, Department of Energy, Prime Minister's Office.*


Berakas Power Company. Penubuhan Tenaga Suria Brunei dan Loji Tenaga Solar menunjukkan komitmen negara ke arah peralihan tenaga rendah karbon untuk mengelakkan kesan ke atas perubahan iklim melalui penggunaan sumber secara cekap dan mengurangkan pembaziran.

#### Cabaran

Perubahan pemikiran (*mindset*) di kalangan orang ramai mengenai penjimatian air adalah penting dalam memastikan sumber air yang berdaya tahan dan berterusan. Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perkhidmatan Air giat melaksanakan kempen kesedaran awam dalam usaha ini, dan telah menunjukkan keberkesanan dalam mempromosikan penggunaan air yang mampan dengan pengurangan


*Electrical Services (DES) has installed two more Solar photovoltaic (PV) systems for the Utama Bumiputera Complex in the Temburong District and the Temburong District Office.*

*The private sector and corporate entities have adopted a more proactive approach in supporting and contributing to national renewable energy initiatives, including the launch of the 3.3MW BSP Solar Plant in Seria and the Berakas Power Company's Solar PV Rooftop System. The establishment of Solar Brunei and Solar Power Plants reflects the country's commitment to transitioning to low-carbon energy to mitigate the impact on climate change through efficient resource utilisation and waste reduction.*



Penduduk mendapat akses air minuman yang bersih pada harga yang berpatutan.

*People have access to clean drinking water at reasonable price.*



Cabarannya memastikan bekalan elektrik bukan sahaja dari sumber minyak dan gas.

Challenge in ensuring electricity supply is generated not only from oil and gas sources.

kadar penggunaan air domestik daripada 420 lpd (*litres per person per day*) pada tahun 2016 kepada 380 lpd pada tahun 2018.

Pihak Kerajaan juga mengambil perhatian terhadap keperluan teknikal dan infrastruktur dalam mengatasi cabaran pengurusan air. Dengan mengambil pendekatan senegara, pihak Kerajaan bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan, sektor swasta, NGO dan masyarakat awam, dalam sama-sama menangani isu air termasuk perbekalan air, penggunaan air, pengurusan sisa air, kualiti air sungai dan pengurusan sumber air, ke arah mencapai sistem pengurusan air yang berdaya tahan dan cekap.

Pada masa yang sama, pemelbaagaian bekalan elektrik daripada minyak dan gas merupakan satu lagi cabaran besar. Usaha mengurangkan kebergantungan negara terhadap sumber yang terhad dan peralihan kepada tenaga yang dapat diperbaharui (*renewable*) memerlukan pelaburan yang besar dan sokongan dari segi dasar. Ianya juga memerlukan perubahan persepsi masyarakat dalam penerimaan sumber tenaga baru bagi mengimbangi keselamatan tenaga dengan kemampuan sumber tenaga.

#### Challenges

Ensuring sustainable water resources in society hinges on a significant mindset shift towards water conservation. The Ministry of Development, through the Department of Water Services, actively leads public awareness campaigns to drive this change. These efforts have reduced domestic water usage from 420 lpd (*litres per person per day*) in 2016 to 380 lpd in 2018, demonstrating the campaigns' effectiveness in promoting sustainable water usage.

Additionally, the government acknowledges the need for technical and infrastructural solutions to water management challenges. Adopting a 'Whole of Nation' approach, it collaborates across government agencies, the private sector, NGOs, and the public to address issues in water supply, usage, and quality, aiming to create a resilient and adaptable water management system through diverse stakeholder engagement.

Parallel to water conservation efforts, diversifying the electricity supply from oil and gas is another major challenge. This shift involves reducing reliance on finite, non-renewable resources and transitioning to renewable energy, a process that demands significant investment and policy support. It also entails changing public perception to embrace new energy solutions, aiming to balance energy security with sustainability for a reliable, environmentally sound electricity supply.

#### 4. Alam Sekitar

##### Pencapaian

Negara Brunei Darussalam merupakan negara hijau dengan 72% daripada keseluruhan kawasan tanah masih diliputi hutan dan 41% daripadanya diwartakan sebagai hutan simpanan. Ini adalah salah satu hasil daripada pelbagai inisiatif yang mengutamakan isu-isu perlindungan alam sekitar dan sumber semula jadi yang dikendalikan oleh pihak kerajaan, sektor swasta dan NGO.

Kualiti udara di negara ini adalah selamat menurut garis panduan WHO. Pihak Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) sentiasa memantau kualiti udara di keempat-empat daerah dan hasil laporan setakat bulan November 2022 menunjukkan kualiti udara di negara ini adalah pada tahap yang baik.

Pihak Kementerian Pembangunan dan pelbagai agensi juga giat berusaha meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan memelihara persekitaran yang bersih melalui pelbagai program seperti "Setiap Hari Tanpa Beg Plastik", "acara penanaman pokok", "Reuse, Reduce and Recycle" serta kempen kebersihan di pantai.

#### 4. Environment

##### Achievements

Brunei Darussalam is a green country with 72% of total land area is still covered with forest and 41% of this area is declared as conservation forest. This achievement stems from various initiatives prioritising environmental protection and natural resource conservation, driven by the government, private sector, and NGOs.


The country's air quality is considered safe according to the World Health Organization (WHO) guidelines. The Ministry of Development, through the Department of Environment, Parks, and Recreation (JASTRe), consistently monitors the air quality in all four districts, and the reports as of November 2022 indicate that the air quality in the country is at a satisfactory level.

Ministry of Development and various agencies also actively work to raise public awareness on the importance of maintaining a clean environment through programmes like "Plastic-Free Day", "tree-planting events", "Reuse, Reduce & Recycle", and beach cleanliness campaigns.



Gambaran atas Jejantas Silara untuk menikmati pemandangan panoramik hutan hujan tropika yang kaya dengan kepelbagaiannya flora dan fauna

Aerial view of the Canopy Walkway in the tropical rainforest with diverse flora and fauna.



## Cabaran

Negara Brunei Darussalam juga tidak terkecuali daripada bencana alam yang berkaitan dengan perubahan iklim seperti banjir, ribut dan kenaikan paras air laut. Dalam hal ini, inisiatif dan matlamat di bawah *The Brunei Darussalam National Climate Change Policy (BNCCP)* perlu diberikan keutamaan dalam pelaksanaannya. Ini memerlukan komitmen daripada semua pihak berkepentingan dan tindakan strategik dalam menangani cabaran-cabaran seperti kekurangan peruntukan, kesedaran awam, dan pemuliharaan alam sekitar yang efektif.

## Challenges

*Brunei Darussalam is not exempted from natural disasters related to climate change, such as floods, storms, and rising sea levels. Effectively addressing these requires prioritising the implementation of the Brunei Darussalam National Climate Change Policy's (BNCCP) initiatives and goals. This demands commitment from all stakeholders and strategic actions to overcome obstacles like financial constraints and the need for increased public awareness, ensuring effective environmental preservation efforts.*



Pemandangan indah negara dari Bukit Shahbandar

A scenic view of the nation from Bukit Shahbandar

## قوسٌ قُرْجَاءٌ بِرُونِي

PÜSAT PEKERJAAN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI



**Guiding job seekers to career success**  
with expert insights



**Utilising the PPB portal effectively**  
to optimise local hiring process



**Transformative Interview Tips**  
empower future graduates for greater confidence and success



**Empowering jobseekers towards career success**  
through various skill development programmes



**Boost local hiring success**  
by using the PPB portal efficiently

Penyediaan program peningkatan dan penambahbaikan kemahiran

Provision of upskilling and reskilling programs

## 5. Pekerjaan

### Pencapaian

Kadar pengangguran menurun daripada 7.3% pada tahun 2020 kepada 5.1% pada tahun 2023. Tiga bidang pekerjaan yang mencatatkan rekod tertinggi ialah bidang perkhidmatan dan jualan, pekerjaan asas, dan profesional. Manakala tiga aktiviti perekonomian tertinggi ialah pentadbiran awam, perdagangan borong dan runcit, dan pembinaan.

Pihak kerajaan juga menyediakan beberapa program peningkatan dan penambahbaikan kemahiran khusus bagi pencari kerja dan pekerja tempatan di sektor swasta seperti Program Perantisan i-Ready, SkillPlus, SPIN in Accountancy dan kursus latihan bagi jangka masa pendek yang ditawarkan oleh pelbagai agensi atau institusi yang berkenaan. Program tersebut bertujuan untuk memberi peluang kepada anak tempatan bagi meningkatkan pengalaman bekerja, kebolehpasaran dan kebolehkerjaan pencari kerja.

## 5. Employment

### Achievements

The unemployment rate fell from 7.3% in 2020 to 5.1% in 2023. Among the three highest-recorded job types are service and sales, basic jobs, and professionals. Meanwhile, the top three economic activities are public administration, wholesale and retail trade, and construction.

The government also provides various upskilling and reskilling programmes tailored for job seekers and local workers in the private sector, such as the i-Ready Apprenticeship Programme, SkillsPlus, SPIN in Accountancy, and short-term training courses offered by relevant agencies or institutions. These programmes aim to offer local youth opportunities to enhance work experience, marketability, and employability.

### Challenges

A mismatch between job supply and demand is one of the contributing factors to unemployment, with a significant portion being youth with secondary education and below.

## Analisis Situasi Semasa

Current Situational Analysis



Recruitment Fair 2022 (Bekarir Sampai Belurih) menawarkan peluang pekerjaan dalam pelbagai kemahiran dan tahap kelayakan dari pelbagai sektor.

Recruitment Fair 2022 (Bekarir Sampai Belurih) presents employment opportunities across various skills and qualification levels from diverse sectors.

### Cabarani

Ketidakselarasan antara pembekalan dan permintaan pekerjaan adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada pengangguran di negara ini, yang sebilangan besarnya ialah belia berkelulusan pendidikan menengah dan ke bawah.


Usaha-usaha yang sedia ada bagi meningkatkan kebolehpasaran anak tempatan perlu diperkuatkan lagi agar dapat membantu golongan *vulnerable* seperti OKU dan penerima bantuan kebajikan agar mereka turut mendapat peluang pekerjaan sewajarnya.

Jumlah pekerja tidak formal dalam kalangan anak tempatan meningkat daripada 40.7% pada tahun 2020 kepada 47.1% pada tahun 2021. Golongan pekerja ini terdedah kepada risiko kerana mereka berkemungkinan tidak mempunyai perlindungan sosial yang mencukupi, menghadapi ketidaksamaan dalam pendapatan serta kekurangan jaminan pekerjaan dan pendapatan. Usaha daripada pihak yang berkenaan diperlukan bagi memastikan kesediaan dasar tenaga kerja yang progresif dan kekal relevan dengan perubahan semasa.



### Pelaksanaan program Jati Diri

Implementation of Jati Diri program



### Kadar Pengangguran menurun.

Unemployment rate decreased.

Existing efforts to improve local youth employability need to be further enhanced to assist vulnerable groups such as PWDs and recipients of welfare aid, ensuring they also receive equal employment opportunities.

The number of informal workers among local youth increased from 40.7% in 2020 to 47.1% in 2021. These workers are exposed to risks as they have limited access to social protection, experience income inequalities, as well as lack of job and income security. Efforts from relevant stakeholders are required to ensure more progressive and relevant workforce policies that are in line with current changes.



Pelancaran Pengaktifan Perkhidmatan 5G oleh penyedia perkhidmatan DST, imagine dan Progresif.

5G Activation ceremony by DST, imagine and Progresif.

## 6. Teknologi


### Pencapaian

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Negara Brunei Darussalam telah mencatatkan kemajuan ketara dalam sektor info-komunikasi dengan peningkatan yang signifikan dalam bilangan pelanggan telefon bimbit dan pertumbuhan kadar penembusan jalur lebar talian tetap (*fixed broadband*). Dari tahun 2012 hingga 2022, bilangan pelanggan telefon bimbit telah meningkat sebanyak 12.5%, mencapai jumlah keseluruhan 528,723. Sementara itu, kadar penembusan jalur lebar talian tetap telah mencapai 85.89% pada tahun 2022, meningkat sebanyak 33.8% dari tahun 2014, dengan peningkatan bilangan pelanggan dari 30,494 kepada 90,186.

## 6. Technology

### Achievements

In recent years, Brunei Darussalam has made notable strides in its info-communication sector, marked by a significant increase in mobile phone subscribers and an impressive growth in broadband penetration. From 2012 to 2022, mobile phone subscribers rose by 12.5%, reaching a total of 528,723. Similarly, the fixed broadband penetration rate saw a substantial increase, reaching 85.89% in 2022, a 33.8% jump from 2014, and expanding the subscriber base from 30,494 to 90,186.





99.3% penduduk dapat mengakses rangkaian cellular di negara ini dengan menggunakan teknologi 3G dan 4G.

99.3% of the population in this country can access cellular networks using 3G and 4G technology.

Pengembangan dalam kesalinghubungan meningkat lagi dengan pengenalan perkhidmatan 5G seluruh negara pada tahun 2023, hasil kerjasama antara Authority for Info-Communication Technology Industry (AITI), Unified National Networks (UNN) dan rakan kerjasama yang lain. Pengenalan 5G adalah sebahagian daripada inisiatif yang lebih luas untuk meningkatkan infrastruktur ICT di negara ini, termasuk pengembangan Rangkaian Akses Radio dan pelaksanaan Teknologi Virtualisasi dan Cloud. Dengan 90% kawasan berpenduduk kini diliputi bagi mendapatkan perkhidmatan menggunakan 5G, Negara Brunei Darussalam siap sedia untuk merealisasikan visinya menjadi Negara Pintar Terhubung (Connected Smart Nation) ke arah pertumbuhan ekonomi, peningkatan standard kehidupan, dan pembangunan yang lestari.

This expansion in connectivity has been further accelerated by the 2023 rollout of 5G services nationwide, a collaboration between the Authority for Info-Communication Technology Industry (AITI), Unified National Networks (UNN), and other partners. The introduction of 5G is part of a broader initiative to enhance Brunei Darussalam's ICT infrastructure, including Radio Access Network Expansion and the implementation of Virtualisation & Cloud technologies. With 90% of populated areas now covered by 5G-ready services, Brunei Darussalam is well on its way to realising its vision of becoming a Connected Smart Nation, poised to positively impact economic growth, living standards, and sustainable development.

Kerajaan memperkenalkan aplikasi Bruhealth.



BruHealth.

The government introduces the BruHealth application.

Revolusi Industri 4.0 meningkatkan penggunaan internet secara meluas.



4.0 Industrial Revolution has significantly expanded utilization of the internet.

Fixed broadband mencapai 85.89% dengan sebanyak 90,186 pelanggan pada tahun 2022.



Fixed broadband reached a rate of 85.89% with a total of 90,186 year 2022.



Satu projek rintis dilaksanakan pada tahun 2021 yang memanfaatkan *data analytics* di sektor perikanan khususnya pengusaha akuakultur tempatan yang berpotensi tinggi untuk menggunakan secara berterusan dan berpanjangan.

*In 2021, a pioneering project emerged, harnessing data analytics in the fisheries sector, specifically targeting high potential local aquaculture entrepreneurs to utilise it regularly for the long haul.*

### Penggunaan Teknologi dalam Sektor Pertanian

Dalam usaha negara menginovasikan pertanian, terdapat dua projek rintis yang berhasil dalam mengintegrasikan teknologi di sektor pertanian:

Dalam inisiatif *Smart Aquafarm* pada tahun 2021, satu projek rintis telah dilaksanakan dengan fokus pada pengintegrasian penganalisaan data (*data analytics*) dalam sektor perikanan untuk memanfaatkan pengusaha akuakultur tempatan yang berpotensi tinggi. Inisiatif ini merupakan usaha sama dengan Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, dalam usaha menggunakan data tersebut untuk menurunkan jumlah kematian anak ikan sekali gus mengatasi kerugian yang dialami oleh pengusaha akuakultur. Ianya telah selesai dilaksanakan bersama syarikat *Golden Corporation* dan *ODE Aquaculture & Agriculture*, dan telah berjaya menghasilkan asas pengurusan yang berpandukan data untuk sektor akuakultur mampan.

### Technology in Agricultural Sector

*In the country's quest to innovate agriculture, two pilot projects have successfully integrated technology into this sector.*

*The 2021 Smart Aquafarm initiative was one such project, focusing on integrating data analytics within the fisheries sector. Aimed at aiding high-potential local aquaculture entrepreneurs, this initiative was a collaborative effort with the Department of Fisheries and the Ministry of Primary Resources and Tourism. It used data analytics to effectively reduce fish mortality, thereby mitigating losses faced by aquaculture entrepreneurs. Completed in partnership with Golden Corporation and ODE Aquaculture & Agriculture, this project has established a successful model of data-driven management, paving the way for a sustainable aquaculture*

Sebagai kesinambungan kepada projek rintis Smart Aquafarm, satu lagi projek rintis baharu, iaitu *Smart Farm Testbed*, sedang dilaksanakan dengan penggunaan *data analytics* dan *Internet of Things (IoT)* di sektor pertanian yang dijalankan pada suku pertama tahun ini. Ia adalah projek kerjasama dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan serta beberapa pengusaha pertanian tempatan di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP), Tungku.

#### Cabaran

Cabaran berkaitan skalabiliti dan pengintegrasian masih perlu ditangani dalam usaha penerapan teknologi dalam pelbagai sektor perkhidmatan. Negara ini memerlukan strategi yang berkesan bukan sahaja dalam pelaksanaan teknologi, tetapi juga bagi mengembangkan sistem-sistem yang lebih luas bagi meraih keberhasilan yang lebih menyeluruh dalam meningkatkan kualiti hidup penduduk negara.

Penyediaan liputan teknologi yang meluas adalah salah satu sudut pembangunan yang mampu meningkatkan kualiti kehidupan. Penyediaan ini juga memerlukan kesediaan orang ramai untuk menerapkan transformasi digital dalam kehidupan seharian mereka dan seterusnya melengkapkan ekosistem pembangunan sosial.

Negara Brunei Darussalam menawarkan 273 perkhidmatan elektronik melalui 86 sistem kerajaan elektronik, yang boleh diakses melalui portal gov.bn atau laman web kementerian tertentu. Secara khususnya, platform E-Darussalam mempunyai lebih daripada 220,000 akaun berdaftar (dengan 191,000 telah diaktifkan). Walau bagaimanapun, kedudukan negara dalam Indeks Pembangunan Kerajaan Elektronik (*EGDI*) telah jatuh ke tangga ke-68 secara global pada tahun 2022, iaitu penurunan lapan anaktangga, sebahagiannya disebabkan oleh indeks ‘Perkhidmatan Dalam Talian’. Memberi tumpuan kepada peningkatan penyampaian perkhidmatan awam melalui transformasi digital adalah penting untuk meningkatkan kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam *EGDI*.

sector.

*Building on the success of the Smart Aquafarm pilot project, a new initiative, the Smart Farm Testbed, is currently underway. This project leverages data analytics and the Internet of Things (IoT) to advance the agricultural sector which was launched in the first quarter of this year. It represents a collaborative effort involving the Department of Agriculture and Agrifood, along with several local agricultural entrepreneurs, located in the Agricultural Progress Area (KKP) in Tungku.*

#### Challenges

*Challenges related to scalability and integration still need to be addressed in the effort to apply technology across various service sectors. The country requires effective strategies not only in implementing technology but also in expanding into broader systems for more comprehensive success in improving the residents' quality of life.*

*The provision of comprehensive technological coverage is one of the aspects of development that will enhance the quality of life. Its effectiveness also hinges on public readiness to embrace digital transformation into their daily lives and beyond the social development ecosystems.*

*Brunei Darussalam offers 273 e-services across 86 e-government systems, accessible via the gov.bn portal or specific ministry websites. Notably, the E-Darussalam platform has over 220,000 registered accounts (of which 191,000 have been activated). Despite this digital advancement, the nation's ranking in the e-Government Development Index (EGDI) fell to 68th globally in 2022, dropping eight places, partly due to the 'Online Services' index. Focusing on improving public service delivery through digital transformation is crucial to enhance*

## Analisis Situasi Semasa

Current Situational Analysis

Kaji Selidik Teknologi Info-komunikasi (*ICT*) untuk Isi Rumah bagi Negara Brunei Darussalam 2022 (*Brunei Darussalam Household ICT Survey 2022*) yang dikendalikan oleh AITI telah mengetengahkan beberapa isu utama dalam kemahiran teknologi di kalangan penduduk. Penemuan awal menunjukkan bahawa walaupun 54% responden memiliki kemahiran *ICT* asas (*basic*), dan 61% menunjukkan kemahiran standard seperti pengiraan *spreadsheet* dan penyediaan bahan pembentangan, hanya 23% yang memiliki kemahiran *ICT* lanjutan (*advanced*). Untuk mengatasi jurang digital ini, AITI telah memulakan program seperti “Program Latihan Kemahiran Celik *ICT*” dan “*Digital* untuk Semua” untuk meningkatkan literasi *digital* dan kompetensi *ICT* di kalangan pelbagai kumpulan, termasuk warga emas, ahli majlis perundingan kampung, belia, dan kanak-kanak. Inisiatif ini, yang bermula pada tahun 2019, meliputi topik seperti e-dagang, pemasaran digital, dan keselamatan siber dalam talian, tetapi peratusan kemahiran lanjutan yang rendah menunjukkan keperluan untuk latihan yang lebih menyeluruh dan maju dalam populasi yang lebih luas.

*Brunei Darussalam's position in the EGDI.*  
*The 2022 Brunei Darussalam Household ICT Survey by AITI has highlighted some key issues in technology skills among the population. Preliminary findings show that while 54% of respondents have basic ICT skills, and 61% demonstrate standard skills such as spreadsheet calculations and presentation creation, only 23% possess advanced ICT skills. To address this gap, AITI has initiated programmes like “Program Latihan Kemahiran Celik ICT” and “Digital for All” to enhance digital literacy and ICT competencies among various groups, including senior citizens, village council members, youth, and children. These initiatives, started in 2019, cover topics like e-commerce, digital marketing, and cybersecurity, but the relatively low percentage of advanced skills suggests a need for more comprehensive and advanced training in the broader population.*



Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien yang menghubungkan Daerah Brunei dan Muara dengan Daerah Temburong, berukuran hampir 30 kilometer panjang adalah jambatan terpanjang di Asia Tenggara pada masa ini.

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Bridge which connects the Brunei and Muara District with the Temburong District, measuring nearly 30 kilometers in length is currently the longest bridge in Southeast Asia.

## 7. Kesalinghubungan

### Pencapaian

Laporan Key Indicators 2022 menunjukkan pencapaian besar dalam kesalinghubungan pengangkutan di Negara Brunei Darussalam, terutamanya di dalam penyediaan rangkaian jalan raya yang luas sepanjang 3,805.69 km. Ini telah memperbaiki akses penduduk ke kemudahan laluan penting seperti jambatan dan lebuh raya. Selain itu, perkembangan dalam perkhidmatan pengangkutan awam seperti *Dart Taxis* dan projek rintis *Dart Smart Shuttle*, selain daripada laluan bas utama, telah menyumbang kepada peningkatan jumlah pilihan perkhidmatan pengangkutan yang mana adalah sangat penting dalam meningkatkan kualiti hidup penduduk.

Pelan Induk Pengangkutan Darat (*LTMP*) dan *Blueprint for Sustainable and Inclusive Land Transportation System* yang bertujuan untuk mewujudkan sistem kesalinghubungan yang cekap, mudah diakses dan memudahkan mobiliti setiap lapisan masyarakat dan penduduk telah disemak semula pada tahun 2023. Pelaksanaannya akan memberi tumpuan kepada tiga perkara, iaitu (1) meningkatkan ketersambungan dan kebolehpercayaan rangkaian laluan bas utama; (2) penambahbaikan dan peningkatan liputan teksi dan perkhidmatan berkongsi tumpangan atas permintaan (*e-hailing*); dan (3) memanfaatkan penggunaan teknologi untuk memantau pergerakan kenderaan dan kemudahan penumpang melalui pemakaian sistem pengurusan pengangkutan pintar (*STS*).


## 7. Connectivity

### Achievements

The Key Indicators Report 2022 highlights significant achievements in Brunei Darussalam's transportation connectivity, especially in the provision of an extensive road network that spans a distance of 3,805.69 km. This has enhanced access to vital thoroughfare facilities like bridges and highways. Additionally, the country has seen developments in public transportation with the introduction of services like *Dart Taxis* and *Dart Smart Shuttle* pilot project, alongside the mainline bus routes, contributing to more transportation options available. These developments are crucial in enhancing the overall quality of life for residents.

The Land Transport Master Plan (*LTMP*) and *Blueprint for Sustainable and Inclusive Land Transportation System*, which has the objective of establishing an interconnected system that is efficient, accessible and facilitates mobility for every level of the community and population was reviewed in 2023. Its implementation will focus on (1) increasing the connectivity and reliability of the mainline bus routes; (2) improving and increasing the coverage of on demand (*e-hailing*) taxis and share ride services; and (3) leverage the use of technology that enables vehicle movement monitoring and passenger convenience through the use of a smart transport management system (*STS*).

## RANGKAIAN LALUAN BAS AWAM BRUNEI-MUARA



## Cabaran

Mengukuhkan sistem pengangkutan awam di Negara Brunei Darussalam adalah penting, terutama sekali bagi mereka yang berpendapatan rendah atau tidak mampu memandu. Usaha ke arah penambahbaikan sistem pengangkutan awam adalah terbukti mencabar, terutamanya di dalam mengekalkan perkhidmatan yang berdaya maju, boleh dipercayai dan berkualiti. Jumlah penumpang perkhidmatan bas awam juga telah menunjukkan tren penurunan dari tahun ke setahun.

Oleh yang demikian usaha lebih gigih dan berterusan adalah diperlukan. Ini termasuk penyediaan infrastruktur, memanfaatkan teknologi seperti pelaksanaan STS, serta membaharui struktur dan kaedah pengawalseliaan perkhidmatan pengangkutan awam. LTMP juga menggariskan beberapa strategi untuk mengurangkan kebergantungan pada kenderaan persendirian dan mengurangkan kesesakan trafik dengan memperbaiki pengangkutan awam dan menggalakkan pilihan perjalanan yang lebih mampan.



## **Challenges**


Improving Brunei Darussalam's public transport is crucial, especially for those with limited means or unable to drive. Efforts towards improving the public transportation system have proved to be challenging, especially in trying to sustain a viable, reliable and quality service. The number of bus passengers and ridership has also seen a declining trend over the years.

Therefore, more persistent and continuous efforts are needed. This includes infrastructure development, leveraging the use of technology such as the implementation of the STS, as well as reforming the structure and governance of the public transportation services. The LTMP highlights strategies for reducing dependence on private vehicles and mitigating traffic congestion by improving public transport and encouraging sustainable travel options.

Selain itu, pengukuhan pengangkutan akan dapat mendukung industri pelancongan. Ia memerlukan kerjasama antara agensi dalam memastikan sistem pengangkutan yang bukan sahaja mendukung mobiliti, tetapi akan dapat menjana peluang pekerjaan dan meningkatkan kadar pelancongan, sekaligus membawa manfaat kepada ekonomi.

Furthermore, enhancing transportation can significantly boost the tourism industry, requiring a collaborative approach among agencies to create a transport system that supports mobility, job creation, and tourism, ultimately benefiting the economy.





## 8. Keselamatan Sosial

### Pencapaian

Komitmen terhadap keselamatan sosial di negara ini terus diberikan keutamaan di mana negara telah mengekalkan kadar jenayah yang rendah dari tahun 2015 hingga 2022, secara konsisten lebih rendah daripada ambang batas yang ditetapkan oleh Peneraju Jawatankuasa Keselamatan Negara. Pada tahun 2022, kadar jenayah ialah 451 kes bagi setiap 100,000 penduduk, penurunan sebanyak 8.5% dari tahun sebelumnya dan kekal lebih rendah daripada ambang batas pada tahun tersebut.

Kejayaan ini sebahagian besarnya adalah atas usaha penguatkuasaan undang-undang yang kukuh oleh agensi-agensi keselamatan dan pelaksanaan Perintah Undang-undang Jenayah Syariah yang berkesan. Sehubungan ini juga, Kementerian Hal Ehwal Ugama memainkan peranan penting dalam menangani aktiviti tidak bermoral dan menyebarkan kesedaran mengenai Perintah Undang-undang Jenayah Syariah dan Akta Undang-undang Keluarga Islam. Usaha seperti program pemulihan bagi bekas banduan dan program "Rakan Seliaan," yang dimulakan pada tahun 2014, juga giat dilaksanakan bagi mendukung pencegahan jenayah dengan membantu pengintegrasian semula ke dalam masyarakat dan menggalakkan kemandirian melalui latihan dan penempatan pekerjaan.

## 8. Social Security

### Achievements

Commitment to social security is evident through continuous efforts being made to ensure public safety and addressing crimes. From 2015 to 2022, the nation consistently recorded a low crime rate, staying below the threshold set by the National Security Committee. In 2022, the crime rate stood at 451 per 100,000 population, marking an 8.5% decline from the previous year and continuing to remain below the threshold for that year.

This success is largely due to the robust law enforcement by security agencies and the effective implementation of the Syariah Penal Code Order. Additionally, the Ministry of Religious Affairs plays a crucial role in addressing immoral activities and spreading awareness about the Syariah Penal Code Order and Islamic Family Law Act. Efforts like rehabilitation programmes for former inmates and the "Rakan Seliaan" programme, initiated in 2014, are also in place to support crime prevention by assisting in societal reintegration and promoting self-reliance through training and job placement.

#### Cabaran

Tren penangkapan berkaitan dadah dan kadar residivisme di negara ini kekal sebagai cabaran yang signifikan serta memerlukan strategi intervensi yang lebih berkesan. Pada tahun 2022, penangkapan yang melibatkan penyalahgunaan dadah menyaksikan peningkatan sebanyak 15.5% berbanding tahun sebelumnya, dengan jumlah 613 penangkapan berkaitan dadah. Daripada jumlah tersebut, hampir 60% adalah tangkapan berulang, dan 52% adalah individu yang tidak mempunyai pekerjaan.

Kadar residivis yang meningkat di Negara Brunei Darussalam, dari 8.7% kepada 14.6% bagi banduan yang dibebaskan pada tahun 2020, mencerminkan cabaran dalam pengintegrasian semula bekas banduan ke dalam masyarakat. Walaupun kualiti dan infrastruktur bagi program pemulihan telah dipertingkatkan, stigma sosial masih menyumbang kepada isu ini. Dalam menanganinya, peningkatan kerjasama dalam komuniti adalah penting dalam mendukung pengintegrasian semula yang berjaya.

Jenayah siber juga mencatatkan peningkatan yang ketara, dengan 1,127 serangan siber dilaporkan pada tahun 2022, menunjukkan keperluan untuk meningkatkan langkah keselamatan siber dan kesedaran awam mengenainya. Selain itu, peningkatan dalam penyiasatan jenayah Syariah, terutamanya dalam kes khalwat dan penggunaan minuman keras, juga merupakan salah satu cabaran sosial.

#### Challenges

The trend of drug-related arrests and recidivism rates in Brunei Darussalam remain a significant challenge that calls for more effective intervention strategies. In 2022, arrests involving drug abuse witnessed a 15.5% increase in apprehensions compared to the previous year, recording 613 total drug-related arrests. Among these, nearly 60% were repeat offenders, and 52% were individuals without employment.

The rising recidivism rate in Brunei Darussalam, increasing from 8.7% to 14.6% for prisoners released in 2020, underscores the challenges in reintegrating former inmates into society. Despite improved rehabilitation programme quality and infrastructure, societal stigma contributes significantly to this issue. To address this, enhancing collaboration within the community is crucial for effectively reducing repeat offenses and supporting successful reintegration.

Cybercrime also saw a significant increase, with 1,127 reported cyber-attacks in 2022, highlighting the need for enhanced cybersecurity measures and awareness. Additionally, an increase in Sharia crime investigations, notably in close proximity (khalwat) and alcohol consumption cases, poses another social challenge.



## Analisis Situasi Semasa

*Current Situational Analysis*





## 9. Tadbir Urus

### Pencapaian

Sebagai respons kepada peningkatan taraf hidup dan perkembangan global yang pesat, Kerajaan Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan pelbagai pembaharuan untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan perkhidmatan awam. Ianya telah membawa kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, mengurangkan birokrasi dan lebih memenuhi kehendak serta keperluan rakyat yang semakin meningkat. Pemantauan dan penilaian berterusan terhadap agensi-agensi Kerajaan, terutamanya yang berurusan dengan orang ramai, juga dilaksanakan untuk memastikan perkhidmatan yang berkesan dan responsif.

Selain itu, pembangunan modal insan yang dinamik, proaktif, dan inovatif diberikan keutamaan untuk mendukung pelaksanaan strategi, inisiatif, dan program kementerian serta jabatan dalam menyediakan perkhidmatan yang cemerlang. Peningkatan dalam perkhidmatan Kerajaan dalam talian dan digital, dengan fokus pada pengalaman pengguna berkualiti tinggi, merupakan bukti usaha ini. Antara perkhidmatan ini termasuklah e-Darussalam.gov.bn, Bru-HIMS, Sistem Kebajikan Negara (SKN), PSCR, BruTrack, Brunei WX, QueUP, TransportBN, BruHealth, One Common Portal, iBantuSolat, RTBGo, Mengalinga, dan G.O. on the Go.

## 9. Governance

### Achievements

In response to rising standards of living and the rapid pace of global development, the government of Brunei Darussalam has implemented reforms to enhance the quality and efficiency of public services. These reforms have led to more efficient service delivery, reducing bureaucracy and better in meeting the public's increasing demands and needs. Continuous monitoring and assessment of government agencies, especially those with extensive public interaction, are conducted to ensure services are effective and responsive.

Additionally, the development of dynamic, proactive, and innovative human capital is prioritised to support and implement ministry and department strategies for excellent service delivery. The increase in online and digital government services, focusing on high-quality user experiences, is a testament to these efforts. Notable services include e-Darussalam.gov.bn, Bru-HIMS, Sistem Kebajikan Negara (SKN), PSCR, BruTrack, Brunei WX, QueUP, TransportBN, BruHealth, One Common Portal, iBantuSolat, RTBGo, Mengalinga, and G.O. on the Go.

Peningkatan jumlah perkhidmatan kerajaan di dalam talian.

*The Enhancement of government online services.*



#### Cabaran

Antara cabaran yang dihadapi ialah keperluan untuk memastikan tahap penyediaan perkhidmatan kerajaan atas talian adalah selaras dengan perkembangan teknologi serta infrastruktur masa kini. Ini termasuk juga memastikan sumber manusia yang mencukupi serta memperkuatkan kerjasama dan penglibatan daripada pelbagai pihak berkepentingan, seperti kementerian, jabatan, sektor swasta, NGO, dan masyarakat umum. Menyelaraskan dengan teknologi dan membina kerjasama yang efektif adalah penting untuk penyampaian perkhidmatan yang optima.

#### Challenges

A key challenge in service delivery is maintaining the quality of online services in line with current technological advancements and infrastructure. This includes ensuring adequate human resources and strengthening collaboration and involvement from various stakeholders, such as ministries, departments, the private sector, NGOs, and the public. Keeping pace with technology and fostering effective partnerships are essential for optimal service delivery.

### 10. Mobiliti Sosial

#### Pencapaian

Hasil daripada Kajian Perbelanjaan Keluarga (KPK) pada tahun 2005 dan 2015/16 menunjukkan pendapatan isi rumah di negara ini semakin meningkat, iaitu 50% peningkatan di keempat-empat daerah. Peningkatan pendapatan ini memberikan impak positif kepada mobiliti sosial yang memberikan kesan kepada peningkatan status sosial rakyat.

Dalam aspek keselamatan sosial, Tabung Amanah Pekerja (TAP) mencatat peningkatan keahlian dari sektor kerajaan dan swasta, menunjukkan peningkatan kesedaran dan penglibatan dalam penjimatan dan perancangan persaraan.

Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) juga merupakan contoh pendekatan proaktif dalam perancangan persaraan. Ianya bertujuan meningkatkan kesejahteraan ahli dengan mempertimbangkan faktor-faktor seperti kadar penggantian pendapatan (IRR) untuk memberikan jumlah pendapatan yang lebih baik, terutamanya bagi pekerja berpendapatan rendah.

### 10. Social Mobility

#### Achievements

Between 2005 and 2015/16, Brunei Darussalam experienced a substantial 50% increase in household income across all districts, according to the Family Expenditure Study (KPK). This growth has positively impacted social mobility and elevated citizens' social status.

On social security, the Employee Trust Fund (TAP) witnessed an increase in memberships from both the government and private sectors, reflecting heightened awareness and engagement in retirement savings and planning.

The National Retirement Scheme (SPK), a testament to proactive retirement planning, aims to enhance member well-being by considering factors like the income replacement rate (IRR), especially benefiting the low-income category.

Literasi kewangan diperluaskan kepada kepelbagai simpanan kewangan dan pelaburan



*The financial literacy is extended to a variety of financial savings and investments.*

Indeks Gini menunjukkan peningkatan jurang distribusi ketidaksetaraan pendapatan.



*The Gini index indicates an increase in the income inequality distribution gap.*

SPK memberi tumpuan kepada meningkatkan kesejahteraan ahli.

**SPK**

*SPK focuses on improving the well-being of its members*

Dengan pembayaran anuiti bulanan sepanjang hayat, skim ini disesuaikan dengan pelbagai keperluan persaraan yang berubah-ubah dan menggalakkan penyertaan tenaga kerja yang lebih lama, serta meningkatkan produktiviti yang berterusan. Dengan adanya pengeluaran yang fleksibel dapat menjamin kesejahteraan pekerja sebelum dan selepas persaraan. SPK, yang meliputi pekerja sektor formal dan tidak formal termasuk mereka yang bekerja sendiri, menekankan inklusiviti dan kelestarian, selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.

### Cabarani

Merujuk kepada Indeks Gini, pengagihan pendapatan semakin meningkat, menunjukkan terdapatnya jurang pendapatan dalam kalangan penduduk. Cabaran yang berhubung kait daripada keadaan ini adalah dalam merapatkan jurang pendapatan tersebut bagi memastikan kesejahteraan rakyat yang berpendapatan rendah terjamin.

Kajian yang dikendalikan oleh *Brunei Darussalam Central Bank (BDCB)* dan Pusat Kajian Dasar dan Strategik turut mendapati daripada 1,521 isi rumah yang dikaji, sebanyak 34% daripadanya tidak mempunyai perancangan belanjawan isi rumah, 32% daripada jumlah isi rumah tersebut tidak tahu kadar faedah yang dikenakan ke atas baki kad kredit yang tertunggak, manakala 24% isi rumah lagi bergantung kepada pinjaman untuk menyara keperluan harian mereka.

*The SPK offers monthly lifetime annuities, adapting to changing retirement needs while promoting extended workforce involvement and productivity. Its flexible withdrawal options address various needs, ensuring welfare benefits pre- and post-retirement. Catering to both formal and informal sector employees, including the self-employed, the SPK underscores inclusivity and sustainability, aligning with Wawasan Brunei 2035's objectives.*

### Challenges

*Although the rise in income is notable, the Gini Index reflects growing income inequality, signifying a gap in income distribution. Addressing this challenge is pivotal for promoting income equality and ensuring the well-being of lower-income segments of the population.*

*A study conducted by the Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) and the Centre for Strategic and Policy Studies (CSPS) discovered that 34% of the 1,521 households that were surveyed did not have a household budget plan, and 32% of the total households are unaware of the interest rates applied to their outstanding credit card balances. Additionally, 24% depend on loans to cover their daily expenses.*

### 11. Pembangunan Masyarakat

#### A. Golongan Berpendapatan Rendah

##### Pencapaian

Pelancaran Sistem Kebajikan Negara (SKN) pada 15 Julai 2020 telah mencapai objektifnya dalam mensejajarkan proses pemberian bantuan bagi memudahkan dalam pemprosesan permohonan bantuan secara bersistematik, dan sekaligus membantu dalam keberkesanan penilaian agar pemberian bantuan diberikan kepada orang yang benar-benar layak.

Selain daripada menyediakan platform yang berfungsi sebagai sistem untuk memohon bantuan kebajikan, melalui kaedah *Power Business Intelligence* (*Power BI*) SKN, telah membantu mengeluarkan data kemiskinan untuk Negara Brunei Darussalam. SKN dapat menyediakan peta kemiskinan dengan data terperinci mengenai penerima bantuan dan tanggungan.

Maklumat yang relevan seperti tempat tinggal, status pekerjaan, peringkat pendidikan, kemahiran, perumahan, dan tahap pendapatan, boleh membantu kerajaan menyediakan program yang lebih terarah bagi membantu golongan yang memerlukan.

### 11. Community Development

#### A. Low Income Groups

##### Achievements

The launch of the National Welfare System (SKN) on July 15, 2020, has successfully achieved its objective in aligning the assistance provision process to facilitate the systematic processing of aid applications, and thus aiding in the effectiveness of assessments to ensure that aid is given to those who truly qualify.

In addition to providing a platform that functions as a system for applying for welfare assistance, through the *Power Business Intelligence* (*Power BI*) method, SKN has helped generate poverty data for Brunei Darussalam. SKN is able to provide a poverty map with detailed data on welfare recipients and dependents.

Relevant information such as residence, employment status, education level, skills, housing, and income level can assist the government in developing more targeted programmes to assist those in need.

The government, in partnership with non-



Kerajaan, dengan kerjasama agensi-agensi bukan kerajaan, telah melaksanakan beberapa program pengupayaan/pemberdayaan yang menyeluruh bertujuan untuk membantu golongan berpendapatan rendah menjadi lebih berdikari. Inisiatif-inisiatif tersebut dibentuk untuk mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kebajikan dan membina kapasiti yang lebih besar untuk mencapai keupayaan sara diri di kalangan individu dan keluarga. Program-program utama termasuk *Micro-business Bootcamp*, *BIBD SEED*, dan *Satu Kampung, Satu Produk (1K1P)*, yang secara kolektif menyokong pembangunan kemahiran keusahawanan dan kemandirian kewangan.

Peningkatan kerjasama dengan agensi kerajaan, swasta dan NGO diperkuatkan dan dipertingkatkan melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan 2020-2024 yang mengenal pasti bidang-bidang fokus, objektif dan capaian-capaian utama dengan merujuk kepada komitmen diperingkat serantau dan antarabangsa.

### Cabarani

Menangani kemiskinan di Negara Brunei Darussalam memerlukan pendekatan yang halus dan mendalam, terutama ketika mempertimbangkan keadaan penerima-penerima bantuan. Sehingga April 2024, sebahagian besar daripada 10,041 penerima bantuan bulanan, sejumlah 7,375 adalah mereka yang sihat dan berupaya. Ini membuka peluang untuk penglibatan penerima-penerima dalam tenaga kerja, tetapi terdapat faktor lain seperti pemikiran ataupun *mindset* yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor peribadi, sosial, dan ekonomi serta cabaran logistik seperti penjagaan anak dan pengangkutan, yang boleh mempengaruhi kesediaan mereka untuk bekerja.

Pendekatan bersepadu dan fokus perlu dalam menangani faktor-faktor ini. Jawatankuasa Khas bagi Isu Kemiskinan, dengan kerjasama agensi-agensi yang berkaitan, sedang giat mengenal pasti serta memahami isu ini, dan mengukuhkan sokongan selain daripada bantuan kewangan. Sokongan ini bertujuan untuk memberdayakan individu, menangani aspek berkaitan pemikiran serta halangan logistik, untuk memudahkan penyertaan aktif mereka dalam tenaga kerja dan meningkatkan kesejahteraan ekonomi mereka secara keseluruhan.

governmental agencies, has implemented comprehensive empowerment programs aimed at enabling low-income groups to become more self-reliant. These initiatives are designed to reduce welfare dependency and foster a greater capacity for self-sufficiency among individuals and families. Key programs include the Micro-business Bootcamp, BIBD SEED, and One Kampung, One Product (1K1P), which collectively support the development of entrepreneurial skills and financial independence.

The enhancement of collaboration with government agencies, private sectors, and NGOs has been strengthened and intensified through the implementation of the Poverty Eradication Action Plan 2020-2024. This plan identifies key focus areas, objectives, and main deliverables, aligning with regional and international commitments.

### Challenges

Tackling poverty in Brunei Darussalam requires a nuanced approach, especially when considering the diverse circumstances of aid recipients. As of April 2024, a significant portion of the 10,041 monthly aid recipients, totaling 7,375 are able-bodied. This provides opportunities for their involvement in the workforce, although there are other factors like mindset which is influenced by various personal, social, and economic factors as well as logistical challenges such as childcare and transportation, that can affect their willingness to work.

An integrated and focused approach is needed to address these factors. The Special Committee on Poverty Issues, in collaboration with relevant agencies, is active in their efforts to identify and understand these nuances, providing support that goes beyond financial aid. This support aim to empower individuals, addressing both mindset-related aspects and logistical obstacles, to facilitate their active participation in the workforce and improve their overall economic well-being.

#### B. Senior Citizens



Sekumpulan warga emas bergambar ramai untuk kenang-kenangan di Pusat Kegiatan Warga Emas, Lambak Kanan.

A group of senior citizens gathered for a commemorative photograph at the Senior Citizens Activity Center, Lambak Kanan.

### B. Warga Emas

#### Pencapaian

Pada tahun 2017, Pelan Tindakan Isu Warga Emas telah pun diperkenalkan dan merangkumi pelaksanaan strategi selama lima tahun dengan tiga objektif utama: pembangunan, kebijakan dan perlindungan, dan sokongan untuk persekitaran yang mesra warga emas. Setakat tahun 2022, 82.3% daripada aktiviti yang digariskan dalam pelan ini telah berjaya dilaksanakan. Berdasarkan kemajuan ini, pelan tindakan baharu untuk warga emas bagi tempoh 2025-2030 sedang dalam proses pengemaskinian yang telah dihasilkan secara bersepadu dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan mengambil kira Strategi Dekad Penuaan Sihat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pelan Tindakan Serantau WHO (2021-2028). Pelan terkini ini, memberi keutamaan kepada pemerksaan warga emas dalam memastikan hak, peluang dan akses secara saksama diberikan bagi penyertaan mereka secara penuh dalam masyarakat dan pembangunan negara, bertujuan untuk menjadikan golongan warga emas lebih berdikari dan berjaya.

Pindaan kepada Akta Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya (Bab 18) pada 1 Oktober 2021, juga merupakan pencapaian yang signifikan ke arah meningkatkan jaminan sosial kepada golongan warga emas di Negara Brunei Darussalam. Antara lain, ianya telah mengemaskinikan syarat kelayakan penerima Pencen Umur Tua (PUT) dan OKU untuk menerima dua faedah (Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya) apabila mencapai umur 60 tahun.

#### Achievements

In 2017, the Plan of Action on Older Persons was launched, encompassing a five-year strategy with three core objectives: development, welfare and protection, and support for an elderly-friendly environment. As of 2022, 82.3% of the activities outlined in this plan have been successfully implemented. Based on this progress, a new Action Plan for Older Persons for the period of 2025-2030 is currently being updated. This plan has been developed in an integrated manner with the cooperation of the Ministry of Health and the Ministry of Culture, Youth, and Sports, taking into account the United Nations Decade of Healthy Ageing Strategy and the WHO Regional Action Plan (2021-2028). This updated plan prioritizes the empowerment of senior citizens to ensure their rights, opportunities, and equitable access for full participation in society and national development, with the aim of making them more independent and successful.

The amendment to the Old Age Pension and Disability Allowance Act (Chapter 18) on October 1, 2021, is also a significant achievement in elevating social security for the elderly in Brunei Darussalam. Among others, the eligibility requirements for Old Age Pension (PUT) and PWDs recipients have been revised that allows them to receive dual benefits (Old Age Pension and Disability Allowance) upon reaching the age of 60.

To promote active ageing, each district in

Ke arah menggalakkan penuaan yang aktif, setiap daerah di Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan sekurang-kurangnya satu Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE). Ianya dihasratkan untuk menggalakkan golongan warga emas untuk bergiat lebih aktif dalam program keagamaan, aktiviti sosial (mengeratkan jalinan rangkaian dalam kalangan warga emas, belia, OKU dan masyarakat setempat) dan pembangunan termasuk keusahawanan, latihan kemahiran dan penjagaan kesihatan.

PKWE Daerah Tutong telah tersenarai di dalam Pangkalan Data Global Amalan Mesra Umur serta mendapat pengiktirafan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai salah sebuah pusat dan negara yang melaksanakan "Amalan Mesra Umur" ataupun "Age-Friendly Practices". Pengiktirafan ini adalah satu kejayaan, di mana pusat ini merangka program dan aktiviti bercorak keagamaan, sosial dan pembangunan yang membolehkan mereka meningkatkan kualiti hidup yang produktif dan berdikari.

Masyarakat di Negara Brunei Darussalam juga sentiasa peka terhadap kemaslahatan warga emas khususnya dalam golongan susah atau sebatang kara. Kerjasama daripada agensi, sukarelawan dan badan-badan bukan kerajaan dalam memeduli warga emas adalah amat ketara, sebagai contoh melalui Projek Memeduli Warga Emas (PMWE) yang telah berjalan sejak tahun 2005.

Negara Brunei Darussalam menyambut Hari Antarabangsa Warga Emas pada 1 Oktober setiap tahun bagi memperingati jasa dan sumbangan golongan warga emas dan memberi penghargaan kepada mereka.

Brunei Darussalam has established at least one Senior Citizen Activity Centre (PKWE). It is intended to encourage the elderly to be more active in religious programmes, social activities (strengthening networks among the elderly, youth, PWDs and the local community) and development including entrepreneurship, skill training and health care.

PKWE in Tutong District has been listed in the Practice Global Database Age Friendly and recognised by the World Health Organization (WHO) as one of the centers and countries that implement "Age-Friendly Practices" or "Age-Friendly Practices". The acknowledgement is a milestone, whereby this centre carries out religious, social and developmental programmes and activities which allows them to improve the quality of productive life and become independent.

The society in Brunei Darussalam has always been sensitive to the issues concerning to the elderly, especially the destitute or those staying by themselves. Cooperation from agencies, volunteers, and non-governmental bodies in caring for the elderly has been very apparent, for example through the Caring for the Elderly Project (PMWE) which has been running since 2005.

Brunei Darussalam celebrates the International Day of the Elderly on October 1 every year to commemorate the services and contribution of the elderly and to give them a sense of appreciation.

### Challenges



Beberapa ahli PKWE Temburong dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Daerah Temburong mengikuti Bengkel Asas Bahasa Isyarat.

Some members of PKWE Temburong and Majlis Perundingan Kampung (MPK) attended the Basic Sign Language Workshop.

### Cabaran

Negara Brunei Darussalam sedang mengalami fenomena penuaan penduduk dengan meningkatnya jumlah warga emas dari tahun ke tahun. Bagi menangani perkara tersebut perlunya peningkatan secara senegara dan bersepada dalam mengambil kira keperluan warga emas dalam semua dasar, strategi dan program.

Warga emas sebagai golongan sasaran tidak terkecuali daripada mengalami masalah sosial seperti masalah kesihatan, kewangan, perumahan dan masalah penjagaan, di mana ada warga emas yang tidak dipeduli oleh ahli keluarga dan ditinggalkan sebatang kara.

### C. Orang Kelainan Upaya

#### Pencapaian

Akta Orang Kurang Upaya (Bab 234) telah mula berkuatkuasa sejak 1 Oktober 2021. Antara lain, Akta tersebut telah memperkenalkan definisi rasmi seorang OKU di negara ini, dan juga menyediakan Pendaftaran Kebangsaan OKU (PKOKU) serta penyediaan Kad OKU sebagai usaha untuk meningkatkan pemantauan dan memudahkan golongan OKU. Dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan OKU terjaga, Akta tersebut juga mengandungi hukuman denda yang berat khusus kepada penderaan dan pengabaian terhadap golongan OKU.

Peneraju Strategik utama kerajaan dalam melindungi dan mempromosi hak-hak golongan OKU di Negara Brunei Darussalam adalah Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU), yang telah ditubuhkan sejak 14 Mei 2016, dan merupakan payung kepada persatuan-persatuan OKU di negara ini. Sebagai pengiktarafan atas kerjasama ini, pihak Kerajaan sentiasa memberikan bantuan berbentuk kewangan

Brunei Darussalam is experiencing a demographic population ageing phenomenon, and the nation must be well-prepared to address implications and demands, taking into consideration the needs of the elderly in all aspects including improvement of policies, strategies, and programmes.

Elderly citizens, as one of the target groups, in the country face multiple and intersecting challenges in health, care, housing, and finance, especially those abandoned by family members and are staying alone.

#### C. Person With Different Abilities

##### Achievements

The Persons with Disabilities Act (Chapter 234), which came into effect on October 1, 2021, introduced the official definition of PWDs and provisions under this act also include the establishment of the National Registration of Persons with Disabilities (PKOKU) to issue 'OKU Cards' containing registered names as an identification for PWDs. The act also includes specific penalties for abuse and neglect of PWDs to ensure their safety and well-being. To ensure the safety and well-being of PWDs, the Act also contains heavy fines specifically for the abuse and neglect of PWDs.

The Council for the Welfare of Persons with Different Abilities (MKOKU) is the government's primary strategic lead in protecting and promoting the rights of PWDs in Brunei Darussalam, established on May 14, 2016. MKOKU serves as the parent organization for PWD associations in the country. In recognition of



Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berinteraksi dengan perwakilan beberapa agensi dan mencuba aktiviti semasa sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya 2023.

The Minister of Culture, Youth, and Sports engaged with representatives from various agencies and participated in activities during the International Day of Persons with Disabilities 2023 celebration.



Penglibatan OKU di pelbagai aktiviti-aktiviti menarik seperti Pesta Sukan Ria Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU), Art for All 2023, dan penuaan madu kelulut di Pusat Bahagia Tutong.

*The involvement of OKU in various interesting activities such as the Sports Festival Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU), Art for All 2023, and stingless bee honey harvesting at the Pusat Bahagia Tutong.*

dan kemudahan lain bagi persatuan-persatuan OKU yang bernaung di bawah MKOKU. Golongan OKU juga diberikan pengiktirafan dan penglibatan yang inklusif melalui program-program semasa Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) yang diadakan pada 3 Disember setiap tahun.

Pendidikan golongan OKU ditingkatkan dan ditanai oleh Kementerian Pendidikan. Rangka Kerja Kurikulum Khas telah disediakan khusus bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas tahap tinggi yang menjurus kepada kemahiran akademik berfungsi, kemahiran hidup berdikari dan program pemulihan (*rehabilitation*) sesuai dengan keperluan individu masing-masing selaras dengan Rangka Kerja Pendidikan Khas. Selain itu, Kurikulum Khas akan memperkenalkan bidang-bidang sahsiah yang bersesuaian, seperti bidang sukan untuk memberikan peluang kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas ini menyertai pertandingan sukan sama ada di peringkat nasional atau antarabangsa.

Sekolah Khas pertama, iaitu Sekolah Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam telah mula beroperasi pada awal bulan Januari 2024 telah menerima pelajar berkeperluan khas tahap tinggi. Penubuhan sekolah khas ini merupakan satu mercu tanda dalam usaha meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan Program Pendidikan Khas di Negara Brunei Darussalam.

Sekolah Khas tersebut bertujuan untuk memberikan akses dan peluang pembelajaran yang saksama kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas yang bertahap tinggi khususnya dalam kemahiran-kemahiran yang boleh mendapatkan pekerjaan kemahiran rendah (*low-skill*).

*this collaboration, the government consistently provides financial assistance and other resources to PWD associations under MKOKU. PWDs are also granted recognition and inclusive participation through programs during the International Day of Persons with Disabilities (HAOKU), celebrated on December 3 each year.*

*The education of PWDs has been enhanced and supported by the Ministry of Education. A Specialized Curriculum Framework has been developed specifically for high-level special needs students, focusing on functional academic skills, independent living skills, and rehabilitation programs tailored to individual needs in line with the Special Education Framework. Additionally, the Specialized Curriculum will introduce appropriate moral education areas, such as sports, to provide opportunities for these special needs students to participate in sports competitions at either the national or international level.*

*The first Special School, Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam School, commenced operations in early January 2024, welcoming high-level special needs students. The establishment of this special school marks a significant milestone in the efforts to further improve the quality of services and the Special Education Program in Brunei Darussalam.*

*This Special School aims to provide equitable access and learning opportunities for high-level special needs students, particularly in skills that can lead to employment in low-skill jobs.*

### Cabaran

Peluang pekerjaan, khusus dalam bidang-bidang yang bersesuaian dengan keupayaan OKU, merupakan jurang yang sedang dihadapi oleh komuniti OKU yang mana ketersediaan individu OKU mahupun majikan dalam melengkapi keperluan satu sama lain dalam menyandang satujawatan pekerjaan atau persekitaran tempat kerja. Hasil data yang diperolehi daripada *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)* jumlah OKU yang berdaftar dengan Pusat Pekerjaan Brunei adalah seramai 137 orang. Dari jumlah tersebut 67 OKU mendapat pekerjaan (11 OKU bekerja di sektor kerajaan, 54 OKU bekerja di sektor swasta, dan seramai 2 OKU menjalani program perantis *i-Ready*), 27 OKU aktif mencari pekerjaan dan 43 tidak aktif mencari pekerjaan setakat Oktober 2023.

Pendekatan senegara dapat memberi ruang kepada golongan OKU untuk mendapatkan peluang pekerjaan di dalam bidang-bidang yang bersesuaian, terutama dalam pekerjaan separuh mahir dan tidak mahir, selaras dengan hasrat dan objektif Pelan Tindakan OKU melalui MKIS termasuklah inisiatif pendidikan dan latihan kemahiran yang berkualiti dan bersesuaian dengan keupayaan mereka serta diberikan akses kepada peluang pekerjaan yang inklusif.

Pengumpulan data pada masa ini yang tidak mempunyai pecahan tertentu seperti mengikut jantina, jenis kelainan upaya dan sebagainya merupakan antara isu-isu utama yang dikenalpasti oleh Jawatankuasa Pandu Koordinasi Data Kebangsaan. Jawatankuasa Kerja Gender and Different Abilities merupakan salah satu cabang di bawah Jawatankuasa Pandu ini sedang giat mengumpulkan, menyelaraskan dan menganalisa *data-data* OKU bagi mempastikan ianya selaras dan dapat digunakan dalam penyediaan strategi dan penggubalan dasar. Dalam pada itu, usaha perlu dikukuhkan dalam meningkatkan kesedaran golongan OKU dan keluarga untuk membuat Pendaftaran Kebangsaan OKU.

### Challenges

*Employment opportunity, in specialised fields suited to PWDs, is a gap that PWDs community currently face. The readiness of the PWDs themselves or the employer to fill in the job opportunities and the environment of the workplace also hinders the PWDs to be able to work. According to statistics obtained from the Manpower Planning and Employment Council (MPEC), the total number of PWDs registered in Jobcentre Brunei is 137 PWDs. Out of that number, 67 PWDs are employed (11 PWDs working in government sector, 54 PWDs working in private sector, and a total of 2 PWDs undergoing the *i-Ready* apprentice programme), 27 PWDs are actively looking for employment and 43 PWDs inactive as of October 2023.*

*A Whole of Nation approach can give the opportunities for PWDs to get an employment opportunity, especially in semi-skilled and unskilled occupation, in line with the intentions and objectives of the National Action Plan for PWDs through the Council of Social Welfare (MKIS), this include quality of education and skills training initiatives that are appropriate to their abilities and given access to inclusive job opportunities.*

*The ability to collect data with breakdowns such as by gender and type of different ability, etc. are among the main issues identified by the National Coordination Data Steering Committee headed by Ministry of Finance and Economy. The Working Group on Gender and Different Abilities under the Steering Committee is actively collecting, coordinating, and analysing data on the PWDs to ensure that it is consistent and can be used in the preparation of strategies and policy formulation. In the meantime, efforts need to be strengthened in raising the awareness of the PWDs and their families to create a National Registration for PWDs.*

## D. Keluarga

### Pencapaian

Institusi keluarga secara keseluruhannya tidak mengira status dan latar belakang adalah merupakan tonggak utama bagi memastikan setiap lapisan masyarakat sentiasa hidup dalam keadaan bahagia berdasarkan Nilai-Nilai Teras Kekeluargaan Brunei: "SaTu HaraPan" melalui empat teras keluarga, iaitu: Sayang-menayangi; Tanggungjawab; Hormat-menghormati; dan Pemedulian. Ini digambarkan dalam sebuah model ekologi sebagai ekosistem pengukuhan institusi keluarga, yang bermula daripada usaha diri sendiri; diikuti dengan pengukuhan institusi keluarga, disokong dengan komuniti dan usaha secara nasional.

## D. Family

### Achievements

The institution of the family as a whole regardless of status and background is the main pillar to ensure that every layer of society always lives in a happy state based on the Core Values of the Brunei Family: "SaTu HaraPan" through four core values of a family, that is: Love; Responsibility; Respect; and Care. This is described in an ecological model as an ecosystem of strengthening family institutions, which starts from self-effort; followed by the strengthening of family institutions, supported by community and national efforts.



Pelan Tindakan Keluarga 2023 – 2027 telah dikaji semula untuk memastikan kekal relevan dengan keperluan semasa sejajar dengan hala tuju dan perisian Social Blueprint Negara Brunei Darussalam.

Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) disambut setiap hari Ahad, minggu pertama bulan Mei sejak 2012, berperanan aktif dalam memberikan kesedaran akan kepentingan pengukuhan institusi keluarga, bagi meningkatkan keseimbangan di antara tanggungjawab keluarga dan kerjaya (*work-life harmony*).

The Family Action Plan 2023 – 2027 has been reviewed to ensure it remains relevant to current needs in line with the direction and the content of Social Blueprint Brunei Darussalam.

National Family Day (HKK) is celebrated every Sunday, the first week of May since 2012, playing an active role in providing awareness of the importance of strengthening family institutions and in order to improve the balance between family responsibilities and career (*work-life harmony*).

Salah satu acara sempena HKK ialah Festival Keluarga Harmoni pada November 2023, yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan pendekatan senegara (*Whole of Nation*) yang mana melibatkan setiap agensi kerajaan, swasta, NGOs, sekolah dan institusi mukim dan kampung serta diraikan oleh seluruh lapisan masyarakat. Mengambil pendekatan “One Stop Family Hub”, Festival ini merangkumi pelbagai aktiviti yang berfungsi untuk mengeratkan silaturahim semasa ahli keluarga dan pemberigaan perkhidmatan berkaitan keluarga.

### Cabarani

Kes-kes pengabaian ahli keluarga yang dilaporkan menunjukkan keperluan untuk memfokuskan program intervensi bagi mengatasi punca atau penyebabnya.

Kategori kes tertinggi yang ditangani oleh Unit Keluarga JAPEM pada tahun 2023 ialah masalah pengabaian warga emas 39.1% dan masalah keluarga/rumah tangga 26.1% termasuklah masalah pengabaian isteri/suami, masalah suami/isteri terlibat dalam gejala penyalahgunaan dadah, pertelingkahan suami isteri dan pertelingkahan dalam adik-beradik.

### E. Wanita

#### Pencapaian

Menteri Kabinet wanita pertama dilantik pada tahun 2022 sebagai Menteri Pendidikan. Sejak tahun 2011, perwakilan wanita dalam Majlis Mesyuarat Negara juga meningkat sebanyak dua kali ganda (2 wanita dari 2011-2016, 3 wanita dari 2017-2022 dan 4 wanita pada 2023). Pada tahun 2022, hampir separuh daripada Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap terdiri daripada kalangan wanita.

Penyelidikan mengenai Pembangunan Wanita di Negara Brunei Darussalam telah selesai dilaksanakan pada tahun 2023, dalam mengenalpasti status pembangunan wanita di negara ini termasuk peluang dan cabaran yang dihadapi demi memastikan kaum wanita di negara ini dapat mengecapi tahap pembangunan yang saksama. Penyelidikan ini menyokong pembangunan Pelan Tindakan Wanita di bawah Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak melalui penggubalan dasar atau program ke arah kesaksamaan dan pembangunan wanita, dan melengkapkan pangkalan data kebangsaan serta mengenalpasti jurang dengan data antarabangsa.

One of the events in conjunction with HKK is the Harmony Family Festival in November 2023, which was organised by the Ministry of Culture, Youth and Sports with the Whole of Nation approach which involves every government agency, private sector, NGOs, schools and institutions in mukim and kampung as well as celebrated by all of the community. Taking the “One Stop Family Hub” approach, this Festival includes various activities that work to strengthen the relationship between family members and the provision of family-related services.

#### Challenges

The reported neglect cases of the family members show the need to focus intervention programmes to overcome the root causes.

The highest category of cases handled by JAPEM Family Unit in 2023 is the problem of neglecting the elderly 39.1% and family/household problems 26.1% including the problem of neglecting the wife/husband, the husband/wife being involved in drug abuse, husband-wife and siblings disputes.

### E. Women

#### Achievements

The first female Cabinet Minister was appointed in 2022 as Minister of Education. Since 2011, the representation of women in “Majlis Mesyuarat Negara” has also doubled (2 women from 2011-2016, 3 women from 2017-2022 and 4 women in 2023). In 2022, almost half of Permanent Secretaries and Deputy Permanent Secretaries are women.

Research on Women’s Development in Brunei Darussalam has been completed in 2023, in identifying the status of women’s development in this country including the opportunities and challenges faced to ensure that women in this country can achieve an equitable level of development. This study supports the development of the Women’s Action Plan under the Special Committee on Family, Women and Children’s Institutions through the formulation of policies or programmes towards women’s equality and development and completes the national database and identifies gaps with international data.

## Analisis Situasi Semasa

### Current Situational Analysis

Hasil penemuan penyelidikan mengenai Pembangunan Wanita menunjukkan kemajuan yang luar biasa dicapai ke arah pembangunan wanita di Negara Brunei Darussalam, terutama dalam bidang pendidikan, wanita di Negara Brunei Darussalam mempunyai prestasi yang lebih baik di semua peringkat, dari pendidikan rendah hingga pengajian tinggi.

Brunei Darussalam juga mengambil bahagian dalam kajian ASEAN - EUREADI mengenai 'Penyertaan dan Kepimpinan Politik Wanita' (*Women's Political Participation and Leadership, WPPL 24*) yang bertujuan untuk menyediakan landskap inklusif mengenai penyertaan dan kepimpinan politik wanita di ASEAN dan kesan wanita terhadap pembangunan mampan di rantau ini.

Antara lain, laporan itu mendapati, berdasarkan data yang diperoleh daripada Jabatan Perkhidmatan Awam dari 2015 hingga 2022, terdapat peningkatan yang ketara dalam bilangan wanita dalam pengurusan pertengahan (Bahagian II) ke kedudukan peringkat kanan yang menunjukkan kemajuan yang patut dipuji. Tren yang begitu menjanjikan menunjukkan wujudnya perubahan idea yang lebih luas dan tingkah laku transformasi dalam masyarakat yang ditimbulkan oleh pendidikan untuk seluruh rakyat.

*The results of research findings on Women's Development show remarkable progress achieved towards the development of women in Brunei Darussalam, especially in the field of education, women in Brunei Darussalam have better performance at all levels, from primary education to higher education.*

*Brunei Darussalam also participated in the ASEAN – EUREADI study on 'Women's Political Participation and Leadership, WPPL 24' that aims to provide an inclusive landscape regarding the participation and political leadership of women in ASEAN and the impact of women on sustainable development in the region.*

*Amongst others, the report observed that, based on data sourced from the Public Service Department from 2015 to 2022, there has been a significant increase in the number of women in middle management (Division II) to senior level position which suggests a praiseworthy progression. Such a promising trend indicates the presence of wider ideational changes and transformational behaviors within society brought by education for the entire populace.*



Perwakilan-perwakilan wanita dari pihak-pihak yang berkepentingan semasa sesi percambahan fikiran dan perbincangan mengenai Kajian Pembangunan Wanita yang diharatkan sebagai asas bagi menyediakan Pelan Tindakan Wanita di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial yang lebih terarah dan berimpak tinggi. Pelan tindakan tersebut diharap akan menyumbang ke arah pengenalpastian dasar-dasar Kerajaan dan inisiatif-inisiatif senegara yang perlu diwujudkan dan diperbaiki bagi pembangunan dan pemerkasaan wanita di negara ini.

*Female representatives from key stakeholders participated in a brainstorming and discussion session on the Women's Development Study, intended to serve as the foundation for a more focused and high-impact Plan of Action on Women under the National Council of Social Issues. The action plan is expected to contribute to the identification of government policies and nationwide initiatives that need to be established and improved for the development and empowerment of women in the country.*

Usahawan wanita juga mencapai pengiktirafan serantau dan antarabangsa, merangkumi pelbagai sektor perniagaan termasuk ICT, pelancongan dan hospitaliti, teknologi, penjagaan kesihatan, minyak dan gas, dan perusahaan sosial, antara lain Skim Pemerkasaan dan Pembangunan Keusahawanan Khas (atau BIBD SEED), inisiatif 'eBunda', ASEAN Young Women Entrepreneurs Award 2022, Academy for Women Entrepreneurs (AWE), dan sebagainya.

Bagi menghargai peranan dan mengiktiraf pencapaian wanita dalam usaha bersama memacu kemajuan negara dalam pelbagai bidang yang merangkumi sosial, ekonomi, budaya dan politik, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat menyambut Hari Wanita Antarabangsa yang disambut pada 8 Mac setiap tahun.

#### Cabarani

Wanita di negara ini masih menghadapi cabaran lazim yang boleh menghalang kemajuan pembangunan mereka. Antara kes jenayah yang melibatkan wanita ialah keganasan rumah tangga dan kegiatan tidak bermoral.

Pada tahun 2023, terdapat peningkatan kes-kes Kegiatan tidak bermoral (berumur 18 tahun ke atas) iaitu peningkatan ke 28 kes daripada 23 kes pada tahun sebelumnya (2022). Kes keganasan rumah tangga juga meningkat kepada 26 kes setakat Oktober 2023 dibandingkan 12 kes pada tahun 2022.

Hasil penyelidikan mengenai Pembangunan Wanita di Negara Brunei Darussalam menunjukkan beberapa cabaran yang dihadapi oleh wanita terutama dalam pembangunan kerjaya, iaitu sokongan di tempat kerja dan isu keselamatan (penderaan).

Dalam bidang kerjaya, penekanan perlu diberikan bagi meningkatkan sokongan dan mewujudkan persekitaran tempat kerja yang lebih kondusif dan fleksibel untuk wanita untuk mengurus pekerjaan dan kehidupan berkeluarga dengan lebih baik.

Stigma persepsi masyarakat terhadap mangsa keganasan atau penderaan juga merupakan satu cabaran termasuklah kes-kes yang tidak dilaporkan ke pihak-pihak yang berwajib.

Women entrepreneurs also achieve regional and international recognition, covering various business sectors including ICT, tourism and hospitality, technology, healthcare, oil and gas, and social enterprises, among others the Special Entrepreneurship Empowerment and Development Scheme (or BIBD SEED), initiatives 'eBunda', ASEAN Young Women Entrepreneurs Award 2022, Academy for Women Entrepreneurs (AWE), and so on.

To appreciate the role and recognise the achievements of women in joint efforts to drive national progress in various fields that include social, economic, cultural and political, the Ministry of Culture, Youth and Sports through the Department of Community Development celebrates International Women's Day which is celebrated on March 8 every year.

#### Challenges


Women in this country still face common challenges that can hinder their developmental progress. Among the crime cases involving women are domestic violence and immoral activities.

In 2023, there has been an increase in immoral issues cases (aged 18 and above), specifically a rise to 28 cases from 23 cases in the previous year (2022). Cases of domestic violence also escalated to 26 cases as of October 2023, compared to 12 cases in 2022.

Research on Women's Development in Brunei Darussalam indicates several challenges faced by women, particularly in career development, such as workplace support and safety issues (abuse).

In the career field, emphasis needs to be placed on enhancing support and creating a more conducive and flexible work environment for women to manage their work and family life more effectively.

Public perception stigma towards victims of violence or abuse is also a challenge, including unreported cases to the relevant authorities.



## F. Kanak-Kanak

### Pencapaian

Pelan Tindakan Kesejahteraan Kanak-Kanak di bawah Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak memberi tumpuan kepada pengukuhkan mekanisme perlindungan sosial untuk kanak-kanak melalui penyepaduan sistem yang cekap dan berkesan.

Bagi meningkatkan perlindungan kanak-kanak melalui ekosistem infrastruktur yang mampan, Rangka Kerja Kebangsaan bagi Perlindungan Kanak-Kanak (NFCP) dilancarkan pada 22 Disember 2020, bertujuan untuk memperbaiki, memperkuuh dan meningkatkan lagi keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan perlindungan kanak-kanak di negara ini. *Register of Children and Young Persons in Need of Protection (RCYPNP)* telah dilancarkan pada 16 Mei 2022 bagi fasa pertama bertujuan sebagai pusat pangkalan data (*centralised database*) untuk pengumpulan dan penyelenggaraan negara rekod dan laporan siasatan perlindungan kanak-kanak serta membantu agensi dalam memberikan perlindungan kanak-kanak kebangsaan dan orang muda.

## F. Children

### Achievements

*The Child Wellbeing Action Plan under the Special Committee on Family, Women and Children's Institutions focuses on strengthening social protection mechanisms for children through efficient and effective system integration.*

*To improve child protection through a sustainable infrastructure ecosystem, the National Framework for Child Protection (NFCP) was launched on December 22, 2020, aiming to improve, strengthen and further improve the effectiveness and efficiency of child protection services in the country. The Register of Children and Young Persons in Need of Protection (RCYPNP) was launched on May 16, 2022 for the first phase intended as a centralised database for the collection and maintenance of national child protection investigation records and reports as well as assisting agencies in providing protection for children and young person.*

Pada tahun 2019, Talian ANAK (Anak Negara Aset Kitani) 121 telah dilancarkan dengan kerjasama salah sebuah syarikat telekomunikasi di Negara Brunei Darussalam, sebagai inisiatif yang selaras dengan strategi dan komitmen kerajaan untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan perkhidmatan sosial kepada kanak-kanak, seperti terkandung dalam Pelan Tindakan Kesejahteraan Kanak-Kanak.

Rumah Perlindungan yang baharu di Kompleks Rumah Kebajikan (KRK), Jabatan Pembangunan Masyarakat selesai dibina bagi memberikan persekitaran yang lebih selesa dan menyeluruh bagi residen-residen khususnya kanak-kanak yang memerlukan perlindungan.

Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia di Negara Brunei Darussalam setiap tahun adalah salah satu usaha ke arah komitmen negara di bawah Konvensyen Hak Kanak-Kanak untuk meningkatkan kesedaran dikalangan masyarakat mengenai hak kanak-kanak.

#### Cabarans

Terdapat peningkatan laporan kes kanak-kanak pada tahun 2023 sebanyak 47.3% disebabkan ibu bapa/ahli keluarga tidak layak (*unfit*) sebagai penjaga kerana terlibat dengan isu sosial seperti penyalahgunaan dadah, dan penganiayaan.

Kes pemulihan yang ditempatkan di KRK juga meningkat kepada 11 orang pada tahun 2023 berbanding 5 orang pada tahun 2022, sementara peningkatan kes perlindungan di KRK sebanyak 55 orang pada tahun 2023 berbanding 28 orang pada tahun 2022.

Pengukuhan sistem sokongan keluarga diperlukan dalam menangani kes-kes sosial melibatkan kanak-kanak dan remaja yang semakin meningkat seperti keterlibatan juvana dengan penyalahgunaan dadah dan mengandung di bawah umur.

In 2019, the ANAK (Anak Negara Aset Kitani) 121 hotline was launched in collaboration with one of the telecommunications companies in Brunei Darussalam, as an initiative in line with the government's strategy and commitment to improve the quality and efficiency of social services for children, as contained in the Child Well-being Action Plan.

The new Shelter Home at the Welfare Home Complexes (KRK), Department of Community Development has been completed to provide more comfortable and comprehensive environment for residents, especially children who need protection.

The celebration of World Children's Day in Brunei Darussalam every year is one of the efforts towards the country's commitment under the Convention on the Rights of the Child to increase awareness among the community about children's rights.

#### Challenges

There has been an increase in reported cases of child abuse in 2023 by 47.3% due to parents/family members being deemed unfit as caregivers, involving themselves in social issues such as drug abuse and maltreatment.

The number of rehabilitation cases placed in KRK also rose to 11 individuals in 2023 compared to 5 individuals in 2022, while the number of protection cases in KRK increased to 55 individuals in 2023 compared to 28 individuals in 2022.

Strengthening family support systems is necessary in addressing the rising social cases involving children and adolescents, such as juvenile involvement in drug abuse and underage pregnancies.

**G. Kebeliaan****Pencapaian**

Dalam usaha ke arah meningkatkan Indeks Pembangunan Belia secara keseluruhan di negara ini, dari 65% (Baik) kepada 75% (Lebih Baik) menjelang 2023, Dasar Belia Negara dan Strategi 2020–2035 (DBNS 2020–2035) telah dilancarkan pada 2 Disember 2020. Dasar berkenaan juga mengariskan Wawasan Belia iaitu melahirkan Belia Berakhhlak Mulia, Bertaraf Dunia Agen Siaga Perubahan Masa Hadapan dalam Semua Pembangunan Negara Secara Inklusif melalui pelaksanaan 4 Strategik Teras iaitu:

1. Kerjasama Seluruh Negara;
2. Budaya Perpaduan;
3. Pendidikan, Kebolehambilan Kerja dan Pekerjaan Wajar; dan
4. Pemerkaasan Belia.

**G. Youth****Achievements**

*In the pursuit of elevating Brunei Darussalam's overall Youth Development Index from the status of 65% (Categorised as 'Good') to 75% (Designated as 'Excellence') by the year 2023, the National Youth Policy and Strategy 2020–2035 (DBNS 2020–2035) was launched on December 2, 2020. This Policy articulates the Youth Vision, aiming to nurture ethically noble and globally competent youth as future-ready agents of change contributing to all-inclusive national development. The realisation of this objective hinges on the effective execution of 4 core strategies:*

1. Whole of Nation;
2. Culture of Oneness;
3. Education, Employability and Decent Work; and
4. Youth Empowerment.



Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama (Kiri) dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Mohd Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan (Kanan) berkongsi pengalaman di forum yang bertema "Leading in Times of Uncertainty" semasa Youth Town Hall sempena sambutan Hari Belia Negara.

*Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Minister of Religious Affairs (Left) and Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Mohd Isham bin Haji Jaafar, Minister of Health (Right) shared their experiences in a forum with the theme "Leading in Times of Uncertainty" during the Youth Town Hall in conjunction with the celebration of National Youth Day.*



Delegasi belia bagi 8th Singapore Brunei Youth Leaders Exchange Program (8th SBYLEP) menghadiri Policy Talk di Jabatan Perdana Menteri.

*The youth delegation of the 8th Singapore Brunei Youth Leaders Exchange Program (8th SBYLEP) attended the Policy Talk at the Prime Minister's office.*

Antara lain, DBNS 2020-2035 juga mentakrifkan umur belia dari 15 hingga 35 tahun, manakala tidak lebih 45 tahun bagi Pemimpin Belia dan tiada had umur bagi Mentor Belia. Dari aspek pelaksanaan inisiatif ke arah pembangunan Ekosistem Belia Siaga Masa Depan, sejumlah 70% daripada 109 program dan aktiviti yang terkandung di dalam Pelan Tindakan 5 tahun DBNS 2020-2024 setakat 2023 telah berjaya dilaksanakan. Ianya adalah hasil *Whole of Government* dan *Whole of Nation* melalui kolaborasi serta Kerjasama pelbagai agensi dan organisasi berkepentingan seperti persatuan serta pergerakan belia di seluruh negara.

Setakat Disember 2023, sejumlah lebih 3,000 penyertaan belia dari pelbagai sektor kerajaan, swasta dan institusi pengajian tinggi telah mengikuti program pemberigaan DBNS 2020-2035.

Dari Aspek Pembangunan Keusahawanan Belia, Penubuhan Jawatankuasa Pandu Keusahawanan Belia (*Youth Entrepreneurship Ecosystem Steering Committee-YESC*) pada tahun 2019 yang diterajui oleh Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan manakala Darussalam Enterprise selaku Urus setia bertanggungjawab dalam merangka hala tuju dasar serta strategi ke arah membantu serta mendukung usahawan muda di sektor perniagaan dan industri melalui bantuan kewangan, kemudahan dan latihan. Setakat ini seramai 534 dari 17,029 usahawan muda di bawah *Registrar of Companies and Business Names (ROCBN)* berdaftar di bawah Ekosistem Keusahawanan berkenaan.

Moreover, the DBNS 2020-2035 also outlines the age range for youth, spanning from 15 to 35 years old, with a maximum age limit of 45 years for Youth Leaders and no age restriction for Youth Mentors. With regard to the implementation of initiatives aimed at building a Future-Ready Youth Ecosystem, a total of 70% of the 109 programmes and activities outlined in the 5-year Action Plan of DBNS 2020-2024 have been successfully executed as of 2023. This accomplishment is attributed to the Whole of Government and Whole of Nation approach, involving collaboration and cooperation among various agencies such as youth organisations nationwide.

As of December 2023, more than 3,000 youth participants from diverse sectors, including government, private, and higher education institutions, have participated in roadshow programmes under DBNS 2020-2035.

On Youth Entrepreneurship Development, the establishment of the Youth Entrepreneurship Ecosystem Steering Committee (YESC) in 2019, lead by the Prime Minister's Office and the Ministry of Culture, Youth, and Sports, with Darussalam Enterprise as the Secretariat, has played a pivotal role in shaping policy directions and strategies to support young entrepreneurs in the business and industrial sectors through financial assistance, facilities and training. Currently, 534 out of 17,029 young entrepreneurs registered under the Registrar of Companies and Business Names (ROCBN) fall within the purview of this Entrepreneurship Ecosystem.



Galeri Sukan Negara Brunei Darussalam yang terletak di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, mempamerkan perkembangan sukan negara dan memberi penghargaan kepada tokoh serta ahli sukan yang mengharumkan nama negara di kejohanan serantau dan antarabangsa.

*Sports Gallery of Brunei Darussalam, located at the Hassanal Bolkiah National Stadium, showcases the development of sports in the country and gives recognition to figures and athletes who have brought honor to the nation in regional and international championships.*



### Mengalinga App

Mengalinga is Brunei's National Mobile App Platform designed and created for volunteers and organisers. Volunteers will be able to participate in events whereas organisers will be able to seek volunteers for their events in a fun new way. Organisers may be from companies, organisations, NGOs, and also others.



Dalam aspek memacu perkembangan aktiviti kesukarelawan dan Khidmat Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Baiduri Bank Sendirian Berhad telah melancarkan sebuah Aplikasi Digital Sukarelawan MENGALINGA pada Ogos 2021.

Pengadaptasian teknologi serta inovasi dalam pelaksanaan aktiviti kesukarelawanan di negara ini telah berjaya menarik minat pelbagai lapisan masyarakat terutama golongan belia. Setakat Disember 2023, seramai 3,700 individu telah mendaftarkan diri ke dalam aplikasi berkenaan. Turut direkodkan sebanyak 148 buah organisasi yang berjaya melaksanakan sejumlah 435 program dan aktiviti yang menjurus kepada khidmat bakti dan sumbangan kepada masyarakat dan negara telah didaftarkan. Dalam memelihara kepentingan dan hak asasi seorang sukarelawan Buku Panduan Sukarelawan telah dilancarkan pada Disember 2020. Ianya dijadikan sebagai asas panduan dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan para sukarelawan terjaga.

#### Cabaran

Walaupun pelbagai usaha dilakukan untuk mempromosikan aplikasi Mengalinga kepada belia, masih terdapat kekurangan dalam pendaftaran, iaitu hanya 1.16% belia mendaftar di bawah aplikasi berkenaan. Antara usaha penambahbaikan yang dilaksanakan adalah memperluaskan kesedaran masyarakat belia mengenai aplikasi Mengalinga dan manfaatnya. Aplikasi ini juga dapat meningkatkan akses kepada peluang pembangunan dan peningkatan diri yang dapat membantu dalam memajukan karier mereka pada masa hadapan.

Dalam usaha untuk memperkuatkannya Pelan Tindakan DBNS 2020-2035 adalah penting bagi rakan-rakan strategik yang berkepentingan untuk bekerjasama dalam pengemaskinian pelan tindakan tersebut di bawah bidang masing-masing.

In fostering volunteerism and community service activities, the Ministry of Culture, Youth, and Sports, in collaboration with Baiduri Bank Sendirian Berhad, launched the Digital Volunteer Application in August 2021, MENGALINGA.

The integration of technology and innovation in volunteerism activities has successfully captured the interest of various segments of society, particularly the youth. As of December 2023, 3,700 individuals have registered on the application, and 148 organisations have successfully implemented 435 diverse programmes and activities contributing to community service and national development. To safeguard the interests and human rights of volunteers, the Volunteer Handbook was launched in December 2020, serving as the foundation and guide to ensure the well-being and safety of volunteers.

#### Challenges

Despite various efforts made to promote the Mengalinga application to the youth, there remains a shortfall in enrolment where only 1.16% of the youth are registered under the application. Among the enhancement efforts is expanding youth community awareness of the Mengalinga application and its benefits. This application can also increase access to development opportunities as well as self-improvement which further can help in advancing their careers in the future.

In the effort to strengthen the National Youth Policy and Strategy's Plan of Action 2020-2035, it is essential for strategic partners concerned to collaborate on updating the action plan under their respective fields.



#### H. Kebudayaan

##### Pencapaian

Pencapaian dalam memelihara dan mempromosikan warisan budaya di Negara Brunei Darussalam sungguh mengagumkan. Dalam lanskap budayanya yang kaya, keunikan setiap puak memainkan peranan penting dalam mewarisi tradisi dan adat pusaka bangsa; semua ini berdasarkan oleh falsafah Melayu Islam Beraja (MIB). MIB dan Dasar Kebudayaaan Negara insya-Allah, melahirkan satu rupa bangsa Brunei yang keseluruhan hati nurani dan wibawanya bersemangatkan nilai-nilai Kebudayaan Melayu Brunei yang sejati lagi praktik dan fungsional sebagai lambang jati diri, identiti dan maruah bangsa dan negara.

#### H. Culture

##### Achievements

The achievements in preserving and promoting cultural heritage in Brunei Darussalam are truly remarkable. In its rich cultural landscape, the uniqueness of each ethnic group plays a crucial role in inheriting the nation's traditions and heritage; all of which are based on the Malay Islamic Monarchy (MIB) philosophy. The MIB philosophy and the National Cultural Policy, God willing, will cultivate a Bruneian identity whose conscience and authority are imbued with the values of genuine, practical, and functional Brunei Malay culture, symbolizing the nation's identity, dignity, and pride.

Melalui komitmen untuk menghargai amalan, bahasa, dan seni unik dari setiap komuniti, berbagai usaha telah dilakukan untuk meneruskan kesinambungan, memulihara, mendokumentasikan dan menghargai khazanah budaya masyarakat. Sebagai contoh, corak tenunan halus, warisan muzik, dan karya sastera dan tradisi lisan, semuanya menyumbang dalam membentuk naratif budaya dan sejarah negara. Inisiatif seperti festival kebudayaan, pameran-pameran muzium, dan program pendidikan tidak hanya bertujuan untuk mendidik masyarakat, tetapi juga sebagai landasan untuk mempamerkan kekayaan warisan masyarakat, yang akhirnya, memastikan kelestarian seni, budaya, bahasa, sejarah dan warisan.

Pemahaman tentang sejarah, warisan, dan budaya semakin berkembang melalui penggunaan media sosial sebagai platform untuk berbagi pengetahuan dan informasi yang relevan. Industri kreatif juga mengalami perkembangan dengan dukungan dari usahawan yang aktif dan inovatif.

Kepelbagaian budaya yang kaya di Negara Brunei Darussalam tercermin dalam banyak indikator, tidak hanya dari penggunaan Bahasa Melayu. Negara ini menghargai kepelbagaian linguistik melalui bahasa-bahasa puak jati, serta merayakan seni dan kerajinan tradisional serta pakaian adat yang berwarna-warni. Festival budaya memberikan wadah bagi masyarakat untuk berbagi praktik unik mereka.

Komitmen terhadap pendidikan dan program-program budaya, yang didukung dengan integrasi media digital dan teknologi, menegaskan pendekatan moden dalam menjaga dan mempromosikan kepelbagaian budaya, berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja.

### Cabaran

Dalam konteks meningkatkan kesedaran terhadap isu-isu berkaitan dengan bahasa sebagai identiti kebangsaan dan jati diri bangsa, usaha-usaha yang dapat dilaksanakan termasuklah meningkatkan program promosi, perundungan dan pendidikan yang dapat memberi sumbangan yang signifikan dalam pembangunan negara.

*Through a commitment to appreciating the practices, languages, and unique arts of each community, various efforts have been made to ensure continuity, preserve, document, and appreciate the cultural treasures of society. For example, intricate weaving patterns, musical heritage, and literary works and oral traditions all contribute to shaping the cultural and historical narrative of the country. Initiatives such as cultural festivals, museum exhibitions, and educational programs are not only aimed at educating the public but also serve as platforms to showcase the community's rich heritage, ultimately ensuring sustainability in arts, cultures, languages, history and heritage.*

*The understanding of history, heritage, and culture is expanding through the use of social media as a platform for sharing relevant knowledge and information. The creative industry is also developing with the support of active and innovative entrepreneurs.*

*The rich cultural diversity in Brunei Darussalam is reflected in many indicators, not just the use of the Malay language. The country values linguistic diversity through the indigenous languages, as well as celebrates traditional arts and crafts and colorful traditional attire. Cultural festivals provide a venue for communities to share their unique practices.*

*The commitment to education and cultural programs, supported by the integration of digital media and technology, emphasizes a modern approach to preserving and promoting cultural diversity, underpinning the Malay Islamic Monarchy philosophy.*

### Challenges

*In the context of raising awareness about issues related to language as national identity and cultural identity, efforts that can be implemented include enhancing promotional programs, legislation, and education that can make significant contributions to national development.*



Pusat Pengajian Kesenian Dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang terletak di Rumah Semaun, Jalan Jerambak (Atas). Gambaran dekat mengenai seni penulisan kaligrafi (Kanan).

*Islamic Calligraphy and Art Study Centre Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah located at Rumah Semaun, Jalan Jerambak (Above). A close-up view about calligraphy art (Right)*

Di samping itu, dalam sektor industri kreatif, cabaran-cabaran yang jelas termasuk keperluan arah tuju yang lebih inklusif dan komprehensif, termasuk penyediaan prasarana. Terdapat keperluan untuk dasar yang kukuh berkaitan dengan industri kreatif serta penyediaan strategi yang terancang bagi memperkuatkkan ekonomi kreatif dalam jangka masa panjang. Aspek penting yang perlu diberi perhatian adalah pemantapan kaedah dan pendekatan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran secara formal, membolehkan masyarakat meningkatkan pengetahuan dan apresiasi mereka.

Walaupun demikian, kesinambungan dan pemeliharaan warisan budaya tetap menjadi fokus penting, seiring dengan penekanan kepada falsafah Melayu Islam Beraja. Usaha untuk menyokong pendidikan dan pemahaman yang kukuh mengenai nilai-nilai budaya bangsa sambil mempromosikan penghargaan terhadap kepelbagaiannya budaya menjadi penting. Memastikan kesinambungan dan adaptasi warisan budaya dalam konteks perubahan moden merupakan cabaran yang terus memerlukan perhatian dalam usaha memelihara identiti budaya orang Brunei.

*Additionally, in the creative industry sector, clear challenges include the need for a more inclusive and comprehensive direction, including the provision of infrastructure. There is a need for robust policies related to the creative industry as well as planned strategies to strengthen the creative economy in the long term. An important aspect that needs attention is the enhancement of methods and approaches to increase knowledge and skills formally, enabling the community to improve their knowledge and appreciation.*

*Nevertheless, the continuity and preservation of cultural heritage remain a crucial focus, in line with the emphasis on the Malay Islamic Monarchy philosophy. Efforts to support education and a strong understanding of cultural values while promoting appreciation for cultural diversity become important. Ensuring the continuity and adaptation of cultural heritage in the context of modern changes is a challenge that continuously requires attention in efforts to preserve the cultural identity of the Bruneians.*

**Indikator Pembangunan Sejagat  
Global Development Indicators**

Tahap Indeks Pembangunan Sejagat seperti kesihatan, pendidikan dan pembangunan asas sosial menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan, dengan usaha-usaha penambahbaikan secara menyeluruh perlu diteruskan.

*The Global Development Index on health, education and basic social development all indicate encouraging progress, with overall improvement efforts to be continued.*

**Infrastruktur dan Petunjuk Pembangunan Asas  
Infrastructure and Fundamental Development Indicators**

Pembangunan Infrastruktur Asas seperti penyediaan tempat tinggal, kemudahan awam, persekitaran dan tadbir urus kerajaan yang berkesan terus diberikan keutamaan, dengan cabaran untuk memastikan pembangunan asas yang mampan.

*The development of basic infrastructure such as shelter, public facilities, the environment, and effective governance, continues to be prioritised with the challenge of ensuring sustainable fundamental growth.*

**Pembangunan Masyarakat  
Community Development**

Pembangunan kualiti kehidupan yang tinggi dilaksanakan berterusan dengan mengambil kira kepentingan-kepentingan yang berkaitan dengan pembangunan masyarakat dan komuniti, termasuklah penyediaan perkhidmatan sosial yang inklusif dan mampan, pemudah cara mobiliti sosial dan persediaan persaraan yang berdayatahan. Cabaran jangka masa panjang berkaitan dengan keperluan untuk memiliki penduduk yang produktif, memastikan perkhidmatan yang inklusif kepada setiap lapisan masyarakat dan membina mentaliti masyarakat yang tekun berusaha.

*The efforts relating to the development of high quality of life is an ongoing process, particularly in areas related to society and community development. This includes providing inclusive and sustainable social services, facilitating social mobility, and a robust retirement preparation. Long-term challenges are related to the need to have productive citizens, ensuring inclusive service to all, and to strengthen the resilience of the community.*

## **Teknologi dan Kesalinghubungan Technology and Connectivity**

Pencapaian dalam sektor info-komunikasi termasuk peningkatan dalam koneksi mudah alih dan jalur lebar, dan terserah lagi dengan pengenalan 5G pada tahun 2023 dan kemajuan dalam teknologi pertanian. Walau bagaimanapun, cabaran kekal dalam pengintegrasian teknologi merentas sektor dan dalam meningkatkan literasi digital. Dalam pengangkutan, pembangunan rangkaian jalan raya yang luas dan perkhidmatan pengangkutan awam sejajar dengan visi negara menjadi Negara Pintar Terhubung, namun cabaran masih ada dalam meningkatkan aksesibiliti pengangkutan awam dan mengurangkan pergantungan kepada kenderaan persendirian untuk menyokong sektor pelancongan dan mengurangkan kesesakan jalan raya.

*Significant strides in the info-communication sector include increased mobile and broadband connectivity, highlighted by the rollout of 5G in 2023 and advancements in agricultural technology. However, challenges persist in integrating technology across sectors and improving digital literacy. In transportation, the development of extensive road networks and public transport services aligns with the nation's vision of a Connected Smart Nation, yet challenges remain in enhancing public transportation accessibility and reducing private vehicle dependence to support tourism and reduce congestion.*

## **Keselamatan Security**

Keselamatan dan kestabilan negara terus dinikmati bersama. Pada masa yang sama, usaha-usaha untuk meningkatkan ketersediaan (*preparedness*) bagi menghadapi situasi masa hadapan yang tidak menentu perlu diperkuatkan.

*The nation continues to experience a peaceful environment and stability. At the same time, efforts to increase preparedness for future uncertainties need to be strengthened.*

## KESIHATAN | HEALTH



Warga sihat dan kesihatan yang seimbang dari segi fizikal dan mental.

- Penyediaan penjagaan dan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti secara berterusan.
- Meningkatkan kesedaran mengenai keutamaan hidup sihat kepada Masyarakat.

*Healthy citizens with balanced mental and physical well-being.*

- *Continuous provision of quality health care and services.*
- *Promotion of a healthy lifestyle to the community.*

## PENDIDIKAN | EDUCATION



Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya.

- Penyediaan sistem pendidikan yang berpaksikan kepada pembinaan kapasiti tenaga manusia yang berkemahiran.

*Educated, skilled, and successful people.*

- *Providing an education system that focuses on building the capacity of skilled human resources.*

## INFRASTRUKTUR | INFRASTRUCTURE



Infrastruktur yang berkualiti dan inklusif.

- Masyarakat yang memiliki atau mendiami tempat kediaman yang selesa.
- Akses kepada utiliti awam yang berkualiti dan berdaya tahan.
- Bangunan awam yang memenuhi keperluan semua lapisan masyarakat.

*Quality and inclusive infrastructure.*

- *Society that owns and resides in comfortable living spaces.*
- *Access to quality and resilient public utilities.*
- *Public buildings that meet the needs of all walks of life.*

## ALAM SEKITAR | ENVIRONMENT



Ke arah pembangunan lestari.

- Meningkatkan kesedaran dan amalan kehidupan yang mesra kepada kewujudan alam sekitar.
- Memastikan pemuliharaan hutan dan biodiversiti.

*Towards sustainable development.*

- *Enhancing awareness and lifestyle practices that are friendly to the natural environment.*
- *Ensuring forest and biodiversity conservation.*

## PEKERJAAN | EMPLOYMENT



Tenaga manusia yang produktif, berdaya tahan dan siap siaga masa depan bagi pembangunan sosio-ekonomi negara.

- Inovasi dan keusahawanan.
- Meningkatkan kualiti kapasiti tenaga manusia melalui penyediaan latihan-latihan yang relevan dengan perkembangan industri.
- Memupuk nilai-nilai moral dan etika yang tinggi.

*A productive, resilient, and future-ready workforce for the nation's socio-economic development.*

- *Innovation and entrepreneurship.*
- *Enhancing the quality of human resource capacity through the provision of trainings relevant to industry developments.*
- *Instilling high moral values and ethics in individuals.*

## TEKNOLOGI | TECHNOLOGY



Peningkatan kualiti kehidupan melalui teknologi.

- Negara pintar yang mempunyai kesalinghubungan yang tinggi yang menyumbang kepada kehidupan seharian yang selesa, pekerjaan dan perniagaan yang efisien.
- Sektor infokomunikasi pemacu kepada pembangunan negara seterusnya menyumbang kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035.
- ICT dan sektor digital dijangka akan menyumbang sebanyak 4 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2025.

*Improving quality of life through technology.*

- *A smart nation with a high level of interconnectedness that contributes to comfortable daily living, efficient employment, and business operations.*
- *Infocommunication sector drives national development and contributes to the achievement of Wawasan Brunei 2035.*
- *ICT and digital sectors are expected to contribute 4 percent to the Gross Domestic Product (GDP) by 2025.*

## KESALINGHUBUNGAN | CONNECTIVITY



Sistem kesalinghubungan yang cekap dan mudah diakses bagi memudahkan cara mobiliti setiap lapisan rakyat.

- Mengukuhkan penyediaan infrastruktur pengangkutan awam.
- Menggalakkan penggunaan teknologi dalam pengangkutan.
- Memperluaskan rangkaian pengangkutan untuk keseluruhan rakyat.

*Efficient and accessible connectivity system to facilitate mobility for all levels of the population.*

- *Strengthen public transportation infrastructure.*
- *Promote the use of technology in transportation.*
- *Expand the transportation network for the entire population.*

## KESELAMATAN SOSIAL | SOCIAL SECURITY



Keselamatan rakyat yang terjamin.

- Pembinaan infrastruktur keselamatan yang mampu memantau dan mencegah kes-kes jenayah secara berkesan.
- Meningkatkan pemberigaan akan kepentingan isu-isu keselamatan sosial dalam masyarakat.

*Assured safety for citizens and residents.*

- *Development of a capable security infrastructure that effectively monitors and prevents crime.*
- *Enhancing public awareness on the importance of social security issues in the community.*

## TADBIR URUS | GOVERNANCE



Perkhidmatan Awam yang cemerlang dan efektif ke arah kesejahteraan rakyat.

- Mempertingkatkan integriti, akauntabiliti, dan penyertaan awam.
- Melaksanakan pelan strategik berfokus pada prestasi, inovasi, dan kecekapan.
- Meningkatkan sistem latihan dan perkembangan tenaga manusia.

*Excellent and effective public service towards the welfare of the people.*

- *Enhance integrity, accountability, and public engagement.*
- *Implement a strategic plan emphasising performance, innovation, and efficiency.*
- *Enhance public service training and human resource development.*

## MOBILITI SOSIAL | SOCIAL MOBILITY



Rakyat siap sedia bagi menjalani kehidupan yang selesa dalam persaraan.

- Memperkuuhkan jaringan keselamatan sosial untuk pesara.
- Meningkatkan usaha-usaha yang berkaitan dengan kepentingan untuk bijak berbelanja, menabung dan menyediakan perancangan persaraan yang mampan.

*Citizens are prepared to live comfortably in retirement.*


- *Strengthen social safety nets for retirees.*
- *To enhance efforts related to the importance of prudent spending, saving, and sustainable retirement planning.*

## PEMBANGUNAN MASYARAKAT | COMMUNITY DEVELOPMENT



Menguatkan, peningkatan, dan transformasi kehidupan.

- Masyarakat yang Progresif.
    - Memutus kitaran kemiskinan dengan meningkatkan kedayaatahanan dan daya produktiviti golongan kurang berkemampuan.
    - Pengukuhan institusi keluarga bagi menjamin ekosistem perlindungan dan kesejahteraan masyarakat.
    - Penuaan aktif.
    - Peningkatan pemerkasaan dan kesaksamaan hak OKU secara inklusif.
  - Budaya dinamik dan pengukuhan warisan.
  - Belia Siaga Masa Depan.
- Empowering, uplifting, and transforming lives.*
- *Progressive Society.*
    - *Breaking the cycle of poverty by enhancing the resilience and productivity of disadvantaged groups.*
    - *Strengthening family institutions to ensure the ecosystem of protection and well-being of the community.*
    - *Active ageing.*
    - *Enhancing the empowerment and equity of PWDs inclusively.*
  - *Dynamic culture and strengthening of heritage.*
  - *Future-Ready Youth.*



Bagi memastikan Negara Brunei Darussalam mencapai kemajuan dan pembangunan sosial yang mampan, inklusif dan berdaya tahan sejajar dengan Wawasan Brunei 2035, *Social Blueprint* mengenal pasti empat (4) domain strategik utama sebagai landasan bagi penyediaan, pelaksanaan dan pemantauan dasar dan strategi yang lebih terarah bagi pencapaian Kualiti Kehidupan Rakyat Yang Tinggi. Setiap domain strategik ini mempunyai kesalinghubungan dan saling memperkuuh antara satu sama lain.

### **1. Diri Sendiri**

Pembangunan dan pengurusan diri sendiri merupakan komponen utama yang perlu dititikberatkan terutama dalam mengukuhkan dan memantapkan penghayatan nilai dan jati diri atau calak kebruneian dan kelestarian kehidupan melalui falsafah Melayu Islam Beraja. Pembangunan diri sendiri dibentuk dan secara seimbang dan holistik. Ianya merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani, fizikal, intelektual dan sosial untuk kepentingan dunia ni dan ukhrawi.

To ensure that Brunei Darussalam achieves sustainable, inclusive, and resilient social progress and development in line with Wawasan Brunei 2035, the Social Blueprint identifies four (4) main strategic domains as the foundation for the preparation, implementation, and monitoring of targeted policies and strategies for achieving High Quality of Life for the People. Each of these strategic domains is interconnected and mutually reinforcing.

### **1. Self**

Self-development and self-management are the main components that need to be emphasised in strengthening and establishing the appreciation of values and identity as a Bruneian, and the sustainability of life through the Malay Islamic Monarchy philosophy. Self-development is shaped in a balanced and holistic manner. It encompasses the physical, emotional, spiritual, intellectual, and social aspects for both the worldly and spiritual.

### 2. Keluarga

Keluarga memainkan peranan penting dalam pembentukan modal insan berlandaskan nilai-nilai murni, kasih sayang, hormat-menghormati serta nilai-nilai keagamaan yang teguh, yang menyumbang kepada kesejahteraan dan kebajikan masyarakat. Nilai-nilai murni yang diterapkan dalam inisiatif keluarga akan menentukan keutuhan sesuatu masyarakat dalam mengharungi pelbagai perubahan dan cabaran bagi memperkuuhkan lagi keselamatan, keamanan, kemakmuran dan kemajuan negara.

### 3. Komuniti

Salah satu asas penting dalam memangkin kemajuan dan pembangunan sosial yang mampan, inklusif dan berdaya tahan adalah kewujudan komuniti atau masyarakat yang utuh, kohesif dan progresif. Ke arah ini, ekosistem pembangunan keupayaan komuniti atau masyarakat perlu dimantapkan bagi menyediakan peluang mobiliti sosial. Komuniti yang sejahtera dan kohesif akan mewujudkan jalinan kerjasama yang erat dan menggalakkan kehidupan yang harmoni dan selamat.

### 4. Pendekatan Senegara

Untuk mencapai kemajuan dan pembangunan sosial yang mampan, inklusif dan berdaya tahan, setiap sektor sama ada kerajaan, swasta, NGOs, kumpulan masyarakat dan individu-individu persendirian sama-sama bertanggungjawab untuk memainkan peranan masing-masing dalam memastikan keperluan asas rakyat dan penduduk dipenuhi; meningkatkan dan menjamin kesejahteraan dan keselamatan; dan membangun dan memperkasa masyarakat yang berdaya tahan.

### 2. Family

*Family plays an important role in developing a better individual that has values, love, respect, and steadfast religious beliefs, that contributes to the well-being and welfare of the society. Core values instilled in the family initiative will determine the integrity of a society in overcoming various changes and challenges to further strengthen the nation's security, safety, prosperity, and progress.*

### 3. Community

*One of the fundamentals in catalysing sustainable, inclusive, and resilient social progress and development, is the existence of a strong, cohesive, and progressive community or society. The ecosystem of community or society capacity development needs to be strengthened to provide social mobility. A prosperous and cohesive community will create close cooperation and encourages harmonious and safe living.*

### 4. Whole of Nation Approach

*To achieve sustainable, inclusive, and resilient social progress and development, every sector, including government, private, NGOs, community groups, or individuals, need to be collectively responsible to ensure the basic needs of the people and the population are met; contribute to enhancing and ensuring a secure and good well-being; and to develop and empower a resilient society.*

## ASPIRASI

1

### Rakyat yang Mandiri, Berdaya Tahan dan Siap Siaga Masa Depan

*Empowered, Resilient, and Future-Ready  
Citizens and Residents*

Aspirasi ini bermaksud masyarakat yang mampu berdikari dalam menghadapi pelbagai cabaran masa hadapan dengan membentuk sikap tekun berusaha sendiri (mandiri) bagi meningkatkan keupayaan mobiliti sosial serta menyumbang kepada kemajuan masyarakat dan negara.

*This aspiration entails a society capable of self-reliance in facing future challenges, forming a self-striving (self-reliance) attitude to enhance social mobility capabilities and contribute to the progress of both the society and nation.*

1

**Memperkasakan keimanan (keagamaan) dan mengukuhkan penghayatan nilai-nilai murni seperti beretika, jujur dan hormat-menghormati.**

*Empowering faith (religion) and reinforcing the observance of pure values such as ethics, honesty, and mutual respect.*

**Pengukuhan akidah, nilai-nilai murni (akhlik) dan pengamalan syariah sebagai pemangkin untuk membina jati diri bangsa.**

*Strengthening of faith (aqidah), moral values (akhlik), and the practice of Sharia as a catalyst for building the Nation's Identity.*

**Mempertingkatkan pengalaman dan kesedaran sivik serta pendidikan moral.**

*Enhancing civic practice and awareness, as well as moral education.*

2

**Pengukuhan falsafah Melayu Islam Beraja.**

*Strengthening the Malay Islamic Monarchy philosophy.*

**Menerapkan penghayatan nilai-nilai teras berpaksikan falsafah Melayu Islam Beraja.**

*Instilling the appreciation of core values based on the Malay Islamic Monarchy philosophy.*

3

**Memperkuuhkan minda bangsa Brunei yang berdaya tahan dan lebih mandiri yang boleh menyumbang kepada pembangunan nasional.**

*Enhancing the resilient mindset of Bruneians, that can contribute to national development.*

**Pengukuhan kedayatahanan diri untuk meningkatkan pembangunan diri.**

*Strengthening self-resilience to enhance self-development.*

**Membina rakyat yang berpengetahuan dan berkemahiran.**

*Building knowledgeable and skilled citizens.*

**Memperkasa Keluarga yang  
Penyayang, Kukuh dan Berdaya Tahan**

*Empowering Strong, Caring  
and Resilient Families*

**ASPIRASI**

**2**

Aspirasi ini menekankan kepentingan institusi keluarga sebagai unit yang paling asas yang berperanan untuk menyediakan landasan untuk pembangunan modal insan bagi mengerak pembangunan sesebuah negara. Dasar, program, perkhidmatan, perlindungan dan infrastruktur sokongan untuk memperkasa dan mengukuhkan institusi keluarga perlu dimantapkan. Ini adalah bagi setiap ahli keluarga dapat melaksanakan peranan dan tanggungjawab bersama dan saksama dalam aspek kekeluargaan, ekonomi, kerjaya dan kehidupan.

*This aspiration emphasises the importance of the family institution as the most fundamental unit that plays the role in providing the foundation for human capital development to drive a nation's progress. Policies, programmes, services, protection, and supporting infrastructure to empower and strengthen the family institution need to be strengthened. This is for each family member can be responsible in the context of family matters, economic, career, and life.*

MATLAMAT STRATEGIK  
STRATEGIC GOALS

HALUAN DASAR  
POLICY DIRECTION

**1**

**Mengutamakan kebahagiaan dan kesejahteraan keluarga ke arah pembangunan dan perpaduan negara.**

*Prioritising the happiness and well-being of families towards national development and unity.*

**Penerapan cara hidup kekeluargaan yang Sakinah (damai dan aman), Mawaddah (kasih sayang), Warahmah (dirahmati).**

*Infusing a family way of life that is Sakinah (peaceful and tranquil), Mawaddah (affection), and Warahmah (blessed).*

**Meningkatkan pelaksanaan strategi yang mengutamakan keluarga.**

*Enhancing the implementation of family-centric strategies.*

**3**

**Pengukuhan kedayatahanan keluarga.**

*Strengthening family resilience.*

**2**

**Membina institusi kekeluargaan sebagai asas pembangunan masyarakat.**

*Building family institutions as the foundation of community development.*

**Mengamalkan nilai-nilai kekeluargaan seperti saling menyayangi, menghormati, bertanggungjawab dan memeduli.**

*Practicing family values such as mutual love, respect, responsibility, and care.*

**Membina keluarga yang kukuh dengan menerapkan pengalaman komunikasi dan interaksi secara mesra.**

*Building strong families by fostering friendly communication and interactions.*

**Membangun kerohanian dan kedayatahanan mental dan fizikal keluarga.**

*Developing spiritual and resilient mentality and physicality within families.*

## ASPIRASI

3

### Membangun Masyarakat yang Pemedulian, Inklusif dan Saksama

*Building a Caring, Inclusive and Equitable Society*

Memenuhi keperluan masyarakat secara inklusif untuk memastikan keadilan dan kesaksamaan ke arah kesejahteraan dan keselamatan yang terjamin dengan menjadikan masyarakat sebagai asas kepada pembangunan sosial yang mampan.

1

Memperkuuh sistem dukungan bagi golongan sasaran atau *vulnerable groups* bagi membangunkan masyarakat inklusif dan pemedulian.

*Strengthening support system for targeted or vulnerable groups to develop an inclusive and caring society.*

MATLAMAT STRATEGIK  
STRATEGIC GOALS

2

Memperkuuhkan rangkaian kerjasama di peringkat daerah, mukim dan komuniti bagi keselemanan dan kesejahteraan rakyat.

*Strengthening the network of collaboration at the district, mukim and community levels for the safety and well-being of the people.*

HALUAN DASAR  
POLICY DIRECTION

Penyediaan keperluan asasi yang inklusif dan saksama.

*Provision of inclusive and equitable basic needs.*

Pelaksanaan Pelan-Pelan Tindakan di bawah MKIS.

*Implementation of MKIS Action Plans.*

Meningkatkan peranan ketua kampung dan penghulu sebagai *First Responders* dalam membantu masyarakat.

*Enhancing the roles of ketua kampung and penghulu as First Responders in community assistance.*

Meningkatkan rangkaian kegiatan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat.

*Increasing the networks of local and community enterprising activities for socio-economic development.*

Membina rangkaian dan seterusnya mengukuhkan pertubuhan bukan kerajaan (*NGOs*).

*Building and further strengthening Non-Governmental Organisations (NGOs) networks.*

# Aspirasi, Matlamat Strategik dan Haluan Dasar Social Blueprint Negara Brunei Darussalam

Aspirations, Strategic Goals and Policy Directions of Brunei Darussalam Social Blueprint

To inclusively meet the needs of the society to ensure justice and equality in securing the well-being and safety, by making community as the basis for sustainable social development.

3

**Membangun masyarakat yang sihat sejahtera.**

*Building a healthy and prosperous community.*

**Memperkuat sistem kesihatan yang menjurus kepada pembudayaan kesihatan ialah tanggungjawab bersama.**

*Strengthening health system geared towards the socialisation of health as a shared responsibility.*

4

**Pengamalan budaya bermasyarakat.**

*The practice of communal culture.*

**Memelihara pengamalan nilai budaya puak dan masyarakat yang mendukung negara Melayu Islam Beraja.**

*Preserving the practice of cultural values of ethnic groups and societies that uphold the Malay Islamic Monarchy.*

5

**Memperkasa belia siaga masa hadapan.**

*Empowering the youth for the future.*

**Pelaksanaan dasar belia negara dan strategi.**

*Implementation of the national youth policy and strategy.*

## ASPIRASI

4

### Memperkasa Pembangunan Sosial Melalui Pendekatan Senegara

*Empowering Social Development through  
The Whole of Nation Approach*

Usaha-usaha bagi aspirasi ini termasuk juga meningkatkan kerjasama dan penglibatan pihak yang berkepentingan melalui Pendekatan Senegara bagi memastikan tadbir urus yang berkesan ke arah kecemerlangan penyampaian perkhidmatan. Di samping itu, aspirasi ini juga berperanan untuk memastikan infrastruktur dan teknologi yang berkualiti tinggi serta mudah akses bagi setiap lapisan masyarakat dengan pemeliharaan alam sekitar diberikan keutamaan untuk peningkatan kualiti hidup rakyat secara menyeluruh.

1

Strategi jaminan perlindungan dan keselamatan sosial yang inklusif dan mampan sebagai pemangkin kepada mobiliti sosial.

*An inclusive and sustainable robust social protection and security strategy as a catalyst for social mobility.*

2

Pembangunan infrastruktur dan sistem connectivity sebagai dukungan kualiti kehidupan.

*Development of infrastructure and connectivity systems to support quality of life.*

Meningkatkan keupayaan masyarakat bagi persediaan persaraan melalui akses yang inklusif kepada social safety net.

*Improving the community's capacity for retirement preparation through inclusive access to the social safety net.*

Meningkatkan akses dan keberkesanan penjagaan sosial.

*Improving access and effectiveness of social care.*

Meningkatkan kualiti infrastruktur, kemudahan awam dan perkhidmatan-perkhidmatan berkaitan yang selamat, bersesuaian dan boleh dipercayai.

*Improving the quality of infrastructure, public amenities, and related services that are safe, suitable, and reliable.*

Sektor pengangkutan dan infokomunikasi yang terhubung, selamat dan lestari.

*Connected, safe, and sustainable transportation and infocommunication sector.*

3

Memperkuatkan usaha untuk mencapai status Negara Hijau sebagai asas kepada pembangunan mampan.

*Strengthening efforts to achieve Green Country status as the foundation for sustainable development.*

Pelaksanaan dasar-dasar yang dikenal pasti di bawah Brunei Darussalam National Climate Change Policy (BNCCP).

*Implementation of policies identified under the Brunei Darussalam National Climate Change Policy (BNCCP).*

# Aspirasi, Matlamat Strategik dan Haluan Dasar Social Blueprint Negara Brunei Darussalam

Aspirations, Strategic Goals and Policy Directions of Brunei Darussalam Social Blueprint

Efforts for this aspiration also include enhancing cooperation and engagement of stakeholders through the Whole of Nation approach to ensure effective governance towards excellence in service delivery. This aspiration also plays a role in ensuring high-quality and easily accessible infrastructure and technology to all levels of society, with priority also given to the preservation of the environment to ensure the holistic improvement in the quality of life.

4

**Merangsang inovasi dan sosio-ekonomi negara.**

*Stimulating innovation and socio-economic growth of the nation.*

**Membangun penyelidikan dan pembangunan yang berkaitan teknologi dan inovasi.**

*Developing Research and Development (R&D) in technology and innovation.*

5

**Mempercepatkan transformasi digital yang inklusif dan selamat ke arah pembangunan SMART Nation.**

*Accelerating inclusive and secure digital transformation towards the development of SMART Nation.*

**Memupuk budaya penggunaan teknologi pintar.**

*Nurturing a culture of smart technology usage.*

6

**Meningkatkan keberkesaan dan kapasiti penguatkuasaan dan pelaksanaan perundangan.**

*Enhancing the effectiveness of enforcement capacity and legislation implementation.*

**Memperkuatkukan sistem perundangan yang berkesan dan komprehensif.**

*Strengthening of the legal system that is effective and comprehensive.*

7

**Memperkasa Perkhidmatan Awam yang produktif, inovatif, responsif, berorientasi rakyat dan berorientasi pelanggan.**

*Empowering a productive, innovative, responsive, people-centred, and client-oriented public service.*

**Penyampaian Perkhidmatan Awam yang berkualiti tinggi dan berkesan.**

*High quality and effective public service delivery.*

8

**Penyediaan pendedahan seni, budaya dan warisan selaras dengan matlamat dasar Kebudayaan Negara.**

*Promoting arts, culture, and heritage in line with the goals of the National Cultural Policy.*

**Penyediaan pelbagai program dan aktiviti bersepadu dalam memperkuatkukan pengamalan seni, budaya, sejarah, bahasa dan warisan.**

*Providing various integrated programmes and activities to strengthen the practice of arts, culture, history, language, and heritage.*

## Kesimpulan

### Conclusion

*Social Blueprint Negara Brunei Darussalam* ialah satu dokumen yang dihasratkan untuk memastikan Negara Brunei Darussalam akan terus menikmati kemajuan dari setiap aspek agenda pembangunan sosial agar hasil daripada kemajuan tersebut turut dapat dinikmati bersama oleh setiap peringkat rakyat dan penduduk di negara ini.

Bagi menjayakan setiap aspirasi, matlamat strategik dan haluan dasar *Social Blueprint Negara Brunei Darussalam* ini, setiap peringkat baik individu, keluarga, masyarakat dan pihak Kerajaan perlulah bergerak sama untuk membawa Negara Brunei Darussalam ke hadapan.

Perkara ini sejajar dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam's Titah in conjunction with the New Year of 2023, whereby His Majesty expressed his aspiration for all strategies currently and to be implemented through the blueprint to receive comprehensive support from diverse stakeholders.

Pelaksanaan *Social Blueprint Negara Brunei Darussalam* ini akan dilaksanakan secara teratur. Hasil yang dihasratkan oleh *Social Blueprint Negara Brunei Darussalam* akan digerakkan dan dipantau melalui pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) oleh Sekretariat Jawatankuasa Kerja Social Wawasan Brunei 2035 dengan kerjasama rapat bersama Sekretariat Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035.

*The Brunei Darussalam Social Blueprint is a document intended to ensure that the country continues to progress in every aspect of its social development agenda, with the aim of ensuring that the benefits of this progress are enjoyed by all levels of population in the country.*

*In order to achieve each of the aspirations, strategic goals, and policy directions of the Brunei Darussalam Social Blueprint, every individual, family, community, and the government must work in tandem to propel Brunei Darussalam forward.*

*This is in line with His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam's Titah in conjunction with the New Year of 2023, whereby His Majesty expressed his aspiration for all strategies currently and to be implemented through the blueprint to receive comprehensive support from diverse stakeholders.*

*The Brunei Darussalam Social Blueprint will be implemented systematically. The desired outcomes of the Brunei Darussalam Social Blueprint will be mobilized and monitored through the implementation of Key Performance Indicators (KPIs) by the Secretariat of the Wawasan Brunei 2035 Social Working Committee in close cooperation with the Secretariat of the Wawasan Brunei 2035 Supreme Council.*





ISBN 978-99917-36-41-9

A standard linear barcode representing the ISBN number.

9 789991 736419